PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2012


TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku pertama

Ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku pertama 2012. Meskipun pertumbuhan bertambah baik di Amerika Syarikat (AS), beberapa ekonomi Eropah telah dilanda kemelesetan. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, meskipun pada kadar yang sederhana, disebabkan pertumbuhan eksport yang lebih perlahan pada suku itu. Permintaan dalam negeri terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun persekitaran luaran mencabar, pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan pada kadar 4.7% (S4 11: 5.2%). Permintaan dalam negeri kekal teguh, disokong oleh kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh sektor swasta dan awam, manakala pertumbuhan eksport telah menjadi sederhana berikutan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor utama ekonomi terus mencatat pertumbuhan yang sederhana pada suku pertama 2012. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih sederhana dalam aktiviti yang berorientasikan eksport telah lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti berorientasikan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan sebanyak 9.6% (S4 11: 10.4%). Pertumbuhan penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.4% (S4 11: 7.3%), disokong terutamanya oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil serta diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik, dan pemberian bantuan kewangan daripada program-program sokongan pendapatan. Penggunaan awam meningkat sebanyak 5.9% (S4 11: 22.9%) dalam keadaan pengembangan yang berterusan dalam perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pembentukan

Pertumbuhan menjadi sederhana pada suku tahun pertama (pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Modal Tetap Kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16.1% (S4 11: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor awam dan swasta. Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Bagi pelaburan awam, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah disalurkan terutamanya ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, dan kemudahan awam, manakala perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan dan perlombongan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sederhana pada suku pertama, mencerminkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam aktiviti berkaitan perdagangan serta pertumbuhan yang berterusan dalam aktiviti berkaitan dalam negeri. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan bertambah kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam dan pembangunan projek kediaman. Sektor pertanian menjadi sederhana disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih perlahan, manakala pengeluaran sektor perlombongan berubah arah untuk mencatat pertumbuhan yang kecil.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 2.3% pada suku pertama 2012 (S4 11: 3.2%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* adalah lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang lebih kecil dalam harga daging dan penurunan dalam harga sayur-sayuran. Inflasi dalam kategori pengangkutan menjadi sederhana memandangkan kesan daripada penyelarasan harga petrol RON97 pada bulan Januari dan Februari 2011 semakin berkurang.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa lebih rendah pada suku pertama, tetapi jumlahnya kekal besar pada RM18.1 bilion, bersamaan dengan 8.4% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah mencerminkan lebihan barangan yang lebih kecil dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan barangan lebih rendah kepada RM35.8 bilion disebabkan oleh pertumbuhan import mengatasi eksport.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM10.3 bilion pada suku pertama (S4 11: -RM0.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih dalam pelaburan lain yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk dana portfolio asing yang besar. FDI terus meningkat kepada RM7.5 bilion (S4 11: + RM6.5 bilion) pada suku pertama, disokong oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar dan pendapatan tertahan yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang sedang beroperasi di Malaysia. Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia terus meningkat kepada RM16.9 bilion pada suku pertama (S4 11:-RM14.7 bilion), mencerminkan pemberian pinjaman antara syarikat dalam jumlah yang lebih besar kepada syarikat subsidiari di luar negeri serta aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi. Imbangan pembayaran secara keseluruhan telah berubah arah untuk mencatat defisit sebanyak RM7.2 bilion pada suku pertama (S4 11: + RM6.2 bilion), berikutan lebihan akaun semasa yang lebih rendah dan aliran keluar bersih daripada akaun kewangan yang lebih tinggi.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM416.1 bilion (bersamaan dengan USD135.7 bilion) pada 30 Mac 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi pengurangan nilai disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama dan serantau pada suku itu. Pada 15 Mei 2012, kedudukan rizab berjumlah RM417.5 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong kegiatan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku pertama 2012. Paras semasa OPR ini mencerminkan keadaan monetari yang terus menyokong kegiatan ekonomi negara.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang adalah secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan stabil pada suku pertama 2012. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.53% sepanjang suku itu. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.62% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir Disember 2011: 5.65%). Kos peminjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah masih di bawah paras sebelum krisis.

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM259.9 bilion (S4 11: RM240.6 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi itu disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) bersih. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.3% pada akhir bulan Mac (S4 11: 12.5%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM43.5 bilion pada suku pertama (S4 11: RM19.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM29.8 bilion (S4 11: RM3.5 bilion). Dalam sektor awam, perolehan dana bersih berjumlah RM13.7 bilion (S4 2011: RM15.9 bilion).

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 15% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2011: 14.4%), mencerminkan pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta.

Ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS pada suku pertama 2012, sejajar dengan trend mata wang serantau lain. Data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya di Amerika Syarikat, telah menyebabkan peningkatan dalam keyakinan para pelabur dan minat yang kembali pulih terhadap aset kewangan di rantau ini. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (9.6%) dan euro (0.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.1%). Ringgit juga bertambah kukuh berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.1% hingga 3.8%. Pada tempoh 1 April hingga 21 Mei 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (2.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-5.4%), dolar AS (-2.0%) dan paun sterling (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand, dolar Singapura, rupiah Indonesia, dan peso Filipina dan renminbi China antara -0.6% hingga -1.6%.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan kekal kukuh sepanjang suku pertama 2012, disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan keadaan pasaran kewangan yang terurus. Pengantaraan kewangan yang terus berfungsi dengan berkesan telah menyediakan persekitaran yang diperlukan untuk kegiatan ekonomi.

Sektor perbankan kekal berdaya tahan pada suku pertama 2012 dan terus mengekalkan kedudukan penampan kehematan, keuntungan dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah modal teras dan nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan kekal teguh masing-masing pada 13.0% dan 14.7%. Di samping itu, sektor insurans kekal berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh sebanyak 224.8%.

Ekonomi akan terus pulih pada kadar yang sederhana tetapi masih wujud risiko pertumbuhan yang lebih perlahan

Melangkah ke hadapan, krisis hutang kerajaan di Eropah masih kekal sebagai kepada ekonomi global. Harga minyak yang tinggi secara berterusan, yang didorong terutamanya oleh ketegangan geopolitik, menambah lagi ketidakpastian dalam persekitaran global. Walau bagaimanapun, pemulihan yang berterusan secara beransur-ansur di AS dijangka mencerahkan lagi prospek pertumbuhan global. Bagi Asia, walaupun kegiatan ekonomi mungkin terjejas oleh perkembangan luaran, pertumbuhan dijangka terus disokong oleh asas-asas ekonomi makro dalam negeri yang kukuh serta dasar yang fleksibel.

Bagi ekonomi Malaysia, meskipun persekitaran luaran yang mencabar masih memberikan risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri dijangka kekal berdaya tahan. Perbelanjaan sektor swasta yang terus meningkat, dan disokong pula oleh perbelanjaan sektor awam, dijangka dapat menyokong prestasi pertumbuhan secara keseluruhan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2012

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global adalah sederhana dalam keadaan pasaran kewangan yang bertambah baik

Pertumbuhan ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku pertama 2012. Meskipun pertumbuhan bertambah baik di AS, beberapa ekonomi di Eropah telah dilanda kemelesetan. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang meskipun pada kadar yang sederhana, disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih perlahan pada suku tersebut. Permintaan dalam negeri terus menyokong aktiviti ekonomi.

Keadaan pasaran kewangan antarabangsa bertambah baik pada suku pertama namun masih mengalami turun naik. Pada permulaan separuh pertama suku tersebut, pasaran telah terjejas terutamanya ekoran kebimbangan pelabur yang makin nyata terhadap kemungkinan Greece gagal menyelesaikan masalah hutangnya. Namun, keyakinan pasaran selepas itu bertambah baik berikutan beberapa langkah dasar yang diambil oleh pemimpin EU. Ini termasuk persetujuan untuk menyediakan program bantuan penyelamat kedua bernilai €130 bilion untuk Greece dan pemuktamadan rancangan penyusunan semula hutang negara itu, serta penambahan dalam gabungan kapasiti pemberian pinjaman di bawah Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah (European Financial Stability Facility, EFSF) dan Mekanisme Kestabilan Eropah (European Stability Mechanism, ESM) daripada €500 bilion kepada €700 bilion. Pusingan kedua operasi pembiayaan semula jangka panjang European Central Bank pada bulan Februari turut menyediakan sokongan mudah tunai tambahan kepada bank dan mengurangkan ketegangan dalam pasaran kewangan. Namun, kesan langkah ini hanya sementara kerana menjelang akhir bulan Mac, turun naik pasaran kewangan wujud semula, didorong oleh kebimbangan yang timbul kembali berhubung dengan kemampanan fiskal di Portugal dan Sepanyol. Ketidakpastian yang menular dalam pasaran kewangan diburukkan lagi oleh risiko geopolitik yang makin meruncing di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA), yang mengakibatkan kenaikan ketara harga minyak pada suku tersebut.

Pada suku pertama, ekonomi **AS** meningkat lebih cepat pada 2.1% pada asas tahunan (S4 11: 1.6%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi AS berkembang sebanyak 2.2% (S4 11: 3%), disokong oleh perbelanjaan dalam negeri swasta. Penggunaan meningkat susulan keadaan guna tenaga dan kekayaan kewangan bersih yang bertambah baik, pertambahan kredit, kadar tabungan yang lebih rendah dan keadaan cuaca yang baik. Namun, kadar pertumbuhan penggunaan masih dikekang oleh hutang isi rumah yang tinggi, pasaran perumahan yang lemah dan harga gasolin yang tinggi. Pelaburan tetap swasta berkembang lebih perlahan pada 1.4% (S4 11: 6.3%). Penguncupan dalam pelaburan bukan kediaman dan perbelanjaan modal yang makin berkurang dalam kelengkapan dan perisian mengimbangi peningkatan dalam aktiviti pembinaan rumah kediaman. Perbelanjaan Kerajaan adalah lebih rendah kerana kerajaan negeri dan tempatan yang mengalami kekangan fiskal, bertindak mengurangkan perbelanjaan dan bilangan pekerja. Inflasi meningkat dengan lebih perlahan pada 2.8% (S4 11: 3.3%) berikutan kesan asas yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya.

Pada suku pertama, prestasi pertumbuhan di **kawasan euro** tidak berubah pada asas suku tahunan (S4 11: -0.3%) dan tahunan (S4 11: 0.7%). Prestasi pertumbuhan terus berbeza antara ekonomi dalam rantau ini dalam keadaan krisis hutang kerajaan yang masih belum selesai. Sementara Jerman mencatat pertumbuhan kukuh pada suku tersebut, aktiviti ekonomi di kawasan yang terjejas, termasuk Itali dan Sepanyol, terus merosot. Ini terutamanya disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lembab dan keadaan sektor perbankan yang lemah. Perbelanjaan pengguna juga terus menurun memandangkan

pertumbuhan kredit dan sentimen sektor swasta kekal lemah. Pengangguran yang lebih tinggi dan langkah penjimatan tambahan yang dikenakan terhadap perbelanjaan fiskal dalam ekonomi yang terjejas melembapkan lagi aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi menurun sedikit kepada 2.7% (S4 11: 2.9%), tetapi kekal tinggi berikutan kenaikan harga tenaga.

Ekonomi **UK** dilanda kemelesetan apabila KDNK benarnya menguncup sebanyak 0.2% (S4 11: -0.3%) pada asas suku tahunan. Pada asas tahunan, ekonominya tidak berubah pada suku pertama (S4 11: 0.5%). Aktiviti ekonomi yang lebih lembab ini sebahagian besarnya berpunca daripada penurunan berterusan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Permintaan dalam negeri terus terjejas oleh langkah penjimatan fiskal, sentimen sektor swasta yang lemah dan harga pengguna yang tinggi. Kadar inflasi menurun dengan nyata kepada 3.5% (S4 11: 4.6%), memandangkan impak daripada kenaikan kadar cukai nilai ditambah pada bulan Januari 2011 semakin berkurang. Namun, kadar inflasi kekal melebihi sasaran bank pusat iaitu 2%.

Ekonomi **Jepun** pulih dengan nyata pada suku pertama apabila mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7% pada suku pertama (S4 11: -0.5%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi Jepun berkembang sebanyak 4.1% (S4 11: -1.1%). Eksport pula meningkat sebanyak 0.8% (S4 11: -2.4%) susulan peningkatan eksport kelengkapan pengangkutan dan penghantaran yang lebih tinggi ke AS pada bulan Februari dan Mac dalam keadaan terdapatnya penyusutan nilai yen. Di dalam negeri, perbelanjaan sektor isi rumah mencatat pertumbuhan yang positif, didorong oleh subsidi kerajaan untuk pembelian kereta cekap bahan api. Pendapatan boleh guna dan upah turut meningkat berbanding paras setahun yang lalu lantas menyokong pemulihan sederhana dalam penggunaan. Sentimen turut dirangsang oleh penubuhan Reconstruction Agency pada bulan Februari, yang menandakan sedikit sebanyak kemajuan dalam usaha pembinaan semula selepas bencana alam di negara itu. Harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) kembali positif pada 0.1% (S4 11: -0.1%) dalam keadaan harga tenaga yang meningkat.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS[1]	0.4	3.0	1.7	2.2[a]
Jepun[1]	-9.8	-1.1	-0.7	4.1[p]
Kawasan euro	2.4	0.7	1.5	0.0[a]
UK	1.6	0.5	0.7	0.0[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari dalam ekonomi maju terus akomodatif, dan langkah selanjutnya diambil memandangkan prospek pertumbuhan kekal lemah. Di AS, **Federal Open Market Committee** (FOMC) mengekalkan julat sasaran bagi kadar federal funds pada 0-0.25% dan mengubah jangkaannya mengenai kadar faedah amat rendah yang dijangka berterusan, sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun 2014, berbanding jangkaan sebelum ini mengenai kadar rendah sehingga pertengahan tahun 2013. FOMC turut mengumumkan penerapan sasaran inflasi pada 2%. Berlatarkan ketidakpastian yang makin memuncak dalam pasaran kewangan dan risiko yang lebih tinggi terhadap potensi pertumbuhan di kawasan euro, **European Central Bank** (ECB) mengekalkan kadar dasarnya pada 1% sambil pada masa yang sama memulakan pusingan kedua operasi pembiayaan semula tiga tahunnya pada bulan Februari. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan mudah tunai kepada sektor perbankan dan menyokong aktiviti pemberian pinjaman di rantau tersebut. **Bank of England** memperluas langkah pelonggaran kuantitatifnya dengan menambah saiz program pembelian aset pada bulan Februari sebanyak £50 bilion kepada £325 bilion, dan mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% memandangkan pemulihan ekonomi adalah sederhana. **Bank of Japan** (BoJ) juga mengumumkan beberapa langkah untuk memulihkan ekonomi dalam negerinya yang lemah. Ini termasuk menetapkan matlamat mencapai inflasi pada kadar rasmi 1%, menambah program pembelian asetnya sebanyak ¥10 trilion pada bulan Februari kepada ¥65 trilion, serta menambah skim pinjaman yang

menyasarkan industri pertumbuhan sebanyak ¥2 trilion kepada ¥5.5 trilion. Pada bulan April, BoJ turut melanjutkan tempoh baki kematangan bagi bon kerajaan Jepun yang akan dibeli di bawah Program daripada "satu hingga dua tahun" kepada "satu hingga tiga tahun". BoJ juga menambah program pembelian asetnya sebanyak ¥5 trilion menerusi pembelian bon kerajaan Jepun untuk menangani deflasi dan menyokong ekonomi agar kembali mencatat pertumbuhan yang mampan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
RR China	9.7	8.9	9.2	8.1
Indonesia	6.5	6.5	6.5	6.3
Korea	4.2	3.3	3.6	2.8[a]
Singapura	9.1	3.6	4.9	1.6
China Taipei	6.6	1.9	4.0	0.4[a]
Hong Kong SAR	7.6	3.0	5.0	0.4
Thailand	3.2	-8.9[d]	0.1	0.3

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di **Asia**, permintaan dalam negeri pada amnya mampan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses kepada pembiayaan yang berterusan dan pendapatan yang meningkat dengan stabil. Namun, aktiviti ekonomi secara keseluruhannya telah terjejas oleh permintaan luaran yang makin perlahan. Ekonomi **RR China** berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 8.1% (S4 11: 8.9%), memandangkan aktiviti merentas sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan makin sederhana. Pertumbuhan ekonomi **Indonesia** menjadi sederhana sedikit, tetapi kekal teguh pada 6.3% (S4 11: 6.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Ekonomi **Korea** berkembang sebanyak 2.8% (S4 11: 3.3%), terutamanya disokong oleh penggunaan awam dan pemulihan dalam aktiviti pelaburan. Pertumbuhan di **Singapura** menjadi sederhana kepada 1.6% (S4 11: 3.6%) susulan penguncupan dalam aktiviti perkilangan yang turut disebabkan oleh asas yang tinggi pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan di **China Taipei** makin perlahan kepada 0.4% (S4 11: 1.9%) terutamanya ekoran penguncupan pelaburan dan eksport. **Hong Kong** pula mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada 0.4% (S4 11: 3.0%) berikutan prestasi eksportnya yang lembab. Di **Thailand**, pertumbuhannya bertambah baik kepada 0.3% (S4 11: -8.9%) berikutan permintaan dalam negeri yang pulih semula dan penguncupan eksport yang lebih perlahan.

Inflasi keseluruhan di rantau ini makin menurun berikutan kenaikan harga makanan yang lebih perlahan, walaupun masih pada paras yang tinggi pada suku tersebut. Ekoran ketidakpastian yang berterusan dalam ekonomi global dan tekanan inflasi yang lebih rendah, beberapa bank pusat di rantau ini mula mengubah tumpuan dasar ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. **Bangko Sentral ng Pilipinas** menurunkan kadar dasarnya sebanyak 50 mata asas dalam dua mesyuarat berturut-turut kepada 4%. **Bank Indonesia** juga menurunkan kadar faedah tanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 5.75% pada bulan Februari. Dalam usaha untuk mengurangkan kesan banjir yang teruk terhadap ekonomi Thailand, **Bank of Thailand** menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 3% pada bulan Januari. **Reserve Bank of India** mengurangkan kadar pinjaman utamanya sebanyak 50 mata asas kepada 8% pada bulan April – pengurangan kadar buat pertama kalinya dalam tempoh tiga tahun – untuk merangsang pertumbuhan dalam keadaan inflasi yang makin rendah. Ini berikutan keputusan Bank tersebut untuk mengurangkan keperluan nisbah rizab tunainya sebanyak 125 mata asas kepada 4.75% pada bulan Januari dan Mac untuk meredakan tekanan terhadap mudah tunai dalam sistem perbankan. **People's Bank of China** menurunkan nisbah keperluan rizab sebanyak 100 mata asas kepada 20% pada bulan Februari dan Mei untuk meningkatkan pemberian pinjaman bank dan menyokong pertumbuhan. **Monetary Authority of Singapore** (MAS) mengekalkan dasarnya untuk kenaikan nilai jalur dasar (policy band) S$NEER secara sederhana dan beransur-ansur. Namun, keluknya dinaikkan sedikit dan MAS kembali

menggunakan jalur dasar lebih kecil untuk menguruskan jangkaan terhadap inflasi, memastikan kestabilan harga jangka sederhana dan mengekalkan pertumbuhan pada kadar yang mampan.

Harga **minyak mentah**[1] terus meningkat pada suku pertama, dengan harga purata pada USD118 setong (S4 11: USD109 setong). Gabungan pelbagai faktor, termasuk ketegangan geopolitik di rantau MENA, kegiatan penghindaran risiko yang berkurang dan bermulanya musim sejuk telah memberikan tekanan menaik terhadap harga minyak lantas mencecah paras harga tertingginya dalam tempoh 11 bulan pada pertengahan bulan Mac. Namun, pada bulan April, trend harga minyak mentah berubah arah dan menurun meskipun masih pada paras melebihi USD100 setong susulan keyakinan yang makin teguh selepas perbincangan diadakan antara Iran dengan negara utama dunia. Pengumuman data ekonomi AS yang kurang menggalakkan turut menandakan bahawa keadaan permintaan masih lagi lemah. Pada 18 Mei, harga minyak mentah ditutup pada USD107.14 setong.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kebanyakan mata wang utama dan mata wang Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut, apabila kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global semakin berkurang berikutan usaha menangani krisis hutang kerajaan mula membuahkan hasil dan ekonomi AS terus mencatat pemulihan yang sederhana. Yen Jepun terus teguh berbanding dengan dolar AS pada awal suku pertama susulan aliran mata wang selamat (safe haven flows). Namun, trend ini kemudian berubah disebabkan oleh sentimen pasaran yang bertambah baik dan langkah pelonggaran oleh BoJ. Pengumuman oleh FOMC pada bulan Januari untuk mengekalkan pendiriannya berhubung dengan dasar monetari yang amat akomodatif sehingga tahun 2014 juga memberikan galakan kepada pelabur agar kembali ke rantau ini untuk mencari aset dengan kadar hasil lebih tinggi, lantas terus menyokong penambahan nilai mata wang Asia. Namun, mata wang serantau menyusut nilai pada bulan Mac, terutamanya disebabkan oleh kebimbangan mengenai kekukuhan prospek pertumbuhan di RR China yang boleh menjejaskan permintaan bagi eksport ekonomi serantau.

Melangkah ke hadapan, krisis hutang kerajaan di Eropah kekal sebagai risiko kepada ekonomi global. Harga minyak yang tinggi secara berterusan, yang didorong terutamanya oleh ketegangan geopolitik, terus menambah ketidakpastian dalam persekitaran global. Walau bagaimanapun, pemulihan yang berterusan secara beransur-ansur di AS dijangka mencerahkan lagi prospek pertumbuhan global. Bagi Asia, walaupun kegiatan ekonomi mungkin terjejas oleh perkembangan luaran, pertumbuhan dijangka terus disokong oleh asas-asas ekonomi makro dalam negeri yang kukuh serta dasar yang fleksibel.

[1] Merujuk kepada niaga hadapan satu bulan Brent di Intercontinental Exchange (ICE)

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan sederhana pada suku pertama

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus stabil walaupun berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.7% (S4 11: 5.2%). Meskipun permintaan dalam negeri terus kukuh, pertumbuhan telah terjejas oleh penguncupan yang berterusan dalam eksport bersih. Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti ekonomi sektor swasta dan sektor awam. Ini dicerminkan dalam pertumbuhan import barangan modal yang lebih kukuh dan pertumbuhan import barangan penggunaan yang mampan. Penggunaan swasta kekal kukuh, disokong terutamanya oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik, serta pemberian bantuan kewangan daripada program-program sokongan pendapatan. Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Walau bagaimanapun, eksport bersih terus menurun disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang menjadi sederhana berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport produk berasaskan sumber dan komoditi, terutamanya berpunca daripada harga komoditi pertanian yang lebih rendah. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama terus menjadi sederhana, disebabkan pertumbuhan yang lebih lemah dalam aktiviti yang berorientasikan eksport lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti yang berorientasikan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri kekal kukuh

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 9.6% pada suku pertama (S4 11: 10.4%). Pertumbuhan disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor awam dan swasta, khususnya dalam bentuk pelaburan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	8.2	10.4	8.2	9.6
Penggunaan	7.7	11.1	8.9	7.1
Sektor swasta	*6.9*	*7.3*	*7.1*	*7.4*
Sektor awam	*11.1*	*22.9*	*16.1*	*5.9*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.8	8.4	6.5	16.1
Sektor swasta	24.9	18.8	12.2	19.8
Sektor awam	-8.2	1.9	-0.3	10.3
Eksport Bersih	-27.4	-10.5	-7.4	-20.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*1.9*	*5.5*	*4.2*	*2.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*9.3*	*7.8*	*6.2*	*6.8*
KDNK	**5.1**	**5.2**	**5.1**	**4.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.4% (S4 11: 7.3%), disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik serta inflasi yang lebih rendah. Pengagihan bantuan kewangan daripada program-program sokongan pendapatan terus memberikan sokongan kepada penggunaan swasta pada suku pertama. Peningkatan perbelanjaan pengguna yang mampan dicerminkan dalam pertumbuhan import yang kukuh bagi barangan penggunaan, jualan makanan dan minuman, serta perbelanjaan kad kredit. Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat kepada 114.3 mata (S4 11: 106.3 mata), mencerminkan keyakinan pengguna yang bertambah baik.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 5.9% (S4 11: 22.9%) hasil daripada peningkatan perbelanjaan Kerajaan yang berterusan bagi emolumen dan bekalan serta perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16.1% (S4 11: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam dan swasta. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 19.8% (S4 11: 18.8%), disokong oleh pelaksanaan

projek-projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas dan sektor perkilangan. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, jualan bahan-bahan berkaitan pembinaan dan pengeluaran pinjaman kepada perniagaan telah mencatatkan prestasi yang kukuh, mencerminkan peningkatan selanjutnya dalam kegiatan pelaburan swasta. Yang ketara, Indeks Keadaan Perniagaan MIER menjadi lebih kukuh kepada 116.5 mata (S4 11: 96.6 mata) dan kapasiti penggunaan dalam sektor perkilangan kekal tinggi. Pelaburan awam mencatat pertumbuhan sebanyak 10.3% (S4 11: 1.9%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal yang terus tinggi oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dalam sektor pengangkutan dan perlombongan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi terutamanya disalurkan ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam.

Keyakinan pengguna dan perniagaan meningkat



Sumber: MIER

Pertumbuhan stabil dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sederhana pada suku pertama 2012, mencerminkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor luaran walaupun pertumbuhan ekonomi dalam negeri berterusan. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan bertambah kukuh, disokong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam dan subsektor kediaman. Dalam sektor komoditi, pertumbuhan dalam sektor pertanian menjadi sederhana, manakala sektor perlombongan berubah arah untuk mencatat pertumbuhan yang kecil.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	-0.2	6.9	5.9	2.1
Perlombongan	-3.9	-3.8	-5.7	0.3
Perkilangan	5.7	5.2	4.7	4.2
Pembinaan	5.1	7.5	4.6	15.5
Perkhidmatan	7.1	6.6	7.0	5.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.1**	**5.2**	**5.1**	**4.7**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-2.7**	**1.8**	**5.1**	**-3.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5% pada suku pertama (S4 11: 6.6%), menyumbang sebanyak 2.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pertumbuhan disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; serta subsektor komunikasi, sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan.

Pertumbuhan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit** mampan pada 6.4% (S4 11: 6.8%), didorong terutamanya oleh segmen runcit, disebabkan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang kekal kukuh dalam keadaan sentimen pengguna yang bertambah baik. Subsektor **komunikasi** terus berkembang sebanyak 9.4% (S4 11: 8.8%), disebabkan oleh permintaan terhadap perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar yang kekal teguh. Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (6.9%; S4 11: 4.4%), mencerminkan terutamanya peningkatan perkhidmatan profesional, yang memperoleh manfaat daripada sektor pembinaan dan perlombongan. Pertumbuhan dalam subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** adalah mampan pada 5.9% (S4 11: 6%), didorong terutamanya oleh pengangkutan darat, ekoran

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2011 (%)	2011			2012
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**40.6**	**6.5**	**6.7**	**6.2**	**5.1**
Kewangan & insurans	17.0	7.7	7.1	6.5	2.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.0	5.7	4.4	5.5	6.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.8	4.1	6.0	5.4	5.9
Komunikasi	6.8	6.2	8.8	7.6	9.4
Perkhidmatan Akhir	**59.4**	**7.7**	**6.4**	**7.5**	**4.9**
Perdagangan borong & runcit	26.6	6.6	6.8	7.1	6.4
Penginapan & restoran	4.5	4.8	6.3	6.0	6.1
Utiliti	4.7	1.7	3.6	3.1	5.0
Perkhidmatan Kerajaan	14.3	14.5	10.4	12.4	2.3
Perkhidmatan lain	9.4	4.9	2.5	4.7	4.3
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.1**	**6.6**	**7.0**	**5.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010	2011				2012
	S4	S1	S2	S3	S4	S1
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	117.2	108.2	107.9	108.7	106.3	114.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	132.0	99.1	120.8	150.0	92.6	85.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	124.6	113.1	125.4	115.2	126.0	125.2
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	1.7	-3.9	-5.2	4.3	4.9	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.3	11.8	13.4	10.8	7.0	6.4
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	9.8	9.5	8.7	8.5	9.5	7.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	7.5	7.2	6.8	9.6	11.5	11.2
Import barangan penggunaan	6.9	5.8	17.5	26.5	25.4	20.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	9.3	7.5	-9.7	0.6	-1.5	-12.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.6	14.4	9.6	9.8	11.5	7.4

Sumber: Pelbagai sumber

pengeluaran dalam negeri yang berterusan yang lebih daripada mengimbangi kegiatan pengangkutan berkaitan perdagangan yang menjadi sederhana. Subsektor **kewangan dan insurans** mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2% (S4 11: 7.1%), disebabkan oleh margin faedah bersih yang menjadi lebih kecil ekoran persaingan yang sengit antara institusi kewangan untuk mendapatkan deposit dan meningkatkan kegiatan pemberian pinjaman. Pendapatan berasaskan fi juga menjadi sederhana, seiring dengan nilai urus niaga pasaran yang lebih rendah di Bursa Malaysia.

Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** menjadi sederhana kepada 4.2% (S4 11: 5.2%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan sederhana dalam industri berorientasikan eksport. Prestasi **industri berorientasikan eksport** telah terjejas oleh penguncupan yang berterusan dalam kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E). Permintaan global yang lemah terhadap separa konduktor lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang positif dalam segmen elektrik, yang disokong oleh permintaan yang lebih tinggi dari rantau ASEAN. Pertumbuhan dalam kelompok keluaran berkaitan sumber menjadi sederhana, berikutan permintaan yang lebih perlahan untuk plastik yang digunakan dalam E&E dan sebagai bahan pembungkusan, serta permintaan serantau yang lebih perlahan untuk tayar getah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** kekal stabil.

Kelompok berkaitan pembinaan mendapat manfaat daripada kegiatan pembinaan yang mampan, manakala pertumbuhan dalam kelompok berkaitan pengguna didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri makanan, minuman dan tembakau, sejajar dengan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta.


Prestasi Sektor Perkilangan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 2005)	**5.7**	**5.2**	**4.7**	**4.2**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**5.9**	**5.3**	**4.7**	**4.4**
Industri berorientasikan eksport	**5.1**	**2.9**	**3.4**	**2.7**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**-5.3**	**-3.0**	**-3.6**	**-0.1**
Antaranya:				
Elektronik	-18.1	-10.3	-11.7	-3.7
Keluaran elektrik	17.9	6.5	8.4	4.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**11.3**	**6.1**	**7.4**	**4.1**
Antaranya:				
Kimia dan keluaran kimia	5.5	14.1	8.8	8.4
Keluaran petroleum	26.0	-1.1	6.2	3.8
Keluaran getah	12.4	9.5	13.9	2.2
Pemprosesan di luar estet	-7.4	13.8	8.7	2.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**8.9**	**12.8**	**8.9**	**9.8**
Kelompok berkaitan pembinaan	**22.1**	**12.3**	**17.6**	**10.3**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	15.3	8.3	13.0	1.0
Keluaran logam yang direka	32.0	17.5	23.8	21.9
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**-0.3**	**13.2**	**2.6**	**9.4**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	-3.9	15.1	-1.0	7.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	6.7	9.8	5.9	9.7

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2012, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan adalah lebih tinggi pada 80% (S4 11: 79%). Industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri beroperasi masing-masing pada 80% dan 77% daripada jumlah kapasiti pada suku pertama (S4 11: masing-masing 81% dan 74%).

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku pertama (15.5%; S4 11: 7.5%), dipacu terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Pertumbuhan disokong oleh kemajuan dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, KLIA 2, Saluran Gas Sabah-Sarawak, Terminal Regasification di Melaka dan Projek Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar. Subsektor kediaman juga mencatat pertumbuhan yang berterusan disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam bilangan projek perumahan. Peningkatan dalam segmen bukan kediaman disokong oleh pembinaan bangunan komersial, kilang, hospital dan institusi pembelajaran.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan	8.8	12.9	5.7	14.2
Permit jualan dan pengiklanan baharu	25.1	22.4	16.1	12.5
Kelulusan perumahan	31.6	29.8	32.2	75.6
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	22.1	12.3	17.6	10.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	29.3	64.4	26.0	38.2
Import bahan berkaitan pembinaan	-1.2	9.4	13.9	9.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan nilai tambah dalam **sektor pertanian** menjadi sederhana kepada 2.1% (S4 11: 6.9%), kesan daripada pengeluaran getah dan ikan yang lebih rendah, disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk. **Sektor perlombongan** berubah arah untuk berkembang sebanyak 0.3% (S4 11: -3.8%), mencerminkan pertumbuhan yang positif dalam pengeluaran minyak mentah, berikutan usaha-usaha untuk meningkatkan pemulihan pengeluaran daripada telaga minyak yang sedia ada.

Prestasi Sektor Pertanian

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-0.2**	**6.9**	**5.9**	**2.1**
Tanaman Industri	**-6.9**	**7.8**	**5.8**	**1.4**
Tanaman Makanan	**9.2**	**5.6**	**6.1**	**2.8**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-7.7	16.2	11.3	3.2
Getah	2.8	-7.4	6.1	-9.6
Ternakan	-6.3	11.1	4.4	25.5

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2011			2012
	S4	Tahun	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-3.9**	**-3.8**	**-5.7**	**0.3**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-8.2	-6.6	-10.7	0.1
Gas asli	-0.6	0.7	0.0	-0.2

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana: Semakan Tahun Asas bagi KDNK Malaysia daripada Harga bagi Tahun Asas 2000 kepada Tahun Asas 2005

Jabatan Perangkaan Malaysia menyusun data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dan menerbitkan data tersebut dalam tempoh enam minggu dari berakhirnya setiap suku tahunan. Berkuat kuasa suku pertama 2012, anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada harga malar adalah berdasarkan harga bagi tahun asas 2005,dan bukan lagi berdasarkan harga bagi tahun asas 2000. Pelaksanaan semakan tahun asas oleh Jabatan Perangkaan ini juga mencerminkan penambahbaikan dalam sumber data serta penggunaan garis panduan antarabangsa yang terkini dalam rangka kerja perangkaan Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Accounts, SNA 2008)[1].

Tujuan Pelaksanaan Semakan Tahun Asas

SNA 1993 menyarankan bahawa tahun asas bagi siri harga malar perlu disemak setiap lima tahun. Di samping itu, United Nations Statistical Office telah menyarankan bahawa tahun asas perlu berakhir mengikut angka sifar atau lima, sebagai contoh, tahun asas 2000 atau 2005. Oleh itu, amalan menyemak tahun asas KDNK merupakan satu amalan yang standard oleh agensi perangkaan di seluruh dunia. Antara lain, Amerika Syarikat, Jepun, Itali, Korea Selatan dan Singapura kini menggunakan tahun 2005 sebagai tahun asas baharu mereka, manakala China Taipei menggunakan tahun asas 2006. Semakan tahun asas KDNK adalah perlu untuk memastikan bahawa perangkaan akaun negara mencerminkan perubahan terkini dalam struktur ekonomi dan harga relatif (relative price) dalam ekonomi. Dengan mengekalkan harga relatif pada harga malar, KDNK pada harga malar akan mencerminkan perubahan dalam jumlah kegiatan ekonomi sahaja. Walau bagaimanapun, harga relatif barangan dan perkhidmatan berubah dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan permintaan yang berubah-ubah, yang dengan sendirinya akan menyebabkan pengagihan sumber dan pengeluaran yang lebih meluas kepada sektor ekonomi tertentu berbanding dengan sektor ekonomi lain. Oleh itu, wajaran relatif bagi harga tahun asas yang lama tidak lagi mencerminkan dengan tepat struktur semasa bagi sesebuah ekonomi.

Di samping itu, pelaksanaan semakan tahun asas telah memasukkan konsep dan metodologi yang ditambah baik seperti yang disyorkan oleh SNA 2008. Sebagai contoh, jika pada masa lalu, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dianggap sebagai input perantaraan dalam pengeluaran, kini R&D ditunjukkan sebagai output dalam KDNK Malaysia, sekali gus mengukur sumbangan R&D kepada ekonomi. Ini penting kerana R&D merupakan komponen penting dalam perbelanjaan pelaburan untuk memacu pertumbuhan. Terdapat juga perubahan dalam pengiraan FISIM[2], iaitu penggunaan perkhidmatan pengantaraan kewangan kini diagihkan merentas sektor, lantas memberikan gambaran yang lebih jelas tentang nilai ditambah sebenar dalam pelbagai sektor ekonomi. Secara keseluruhan, tahun asas baharu KDNK akan membolehkan perbandingan yang lebih baik antara akaun negara Malaysia dengan negara-negara lain yang menggunakan kaedah baharu ini.

---

[1] Penerbitan manual Sistem Akaun Negara yang terdahulu adalah pada tahun 1993. Ekonomi perindustrian dan serantau yang lain juga telah mula menerima pakai saranan terpilih daripada SNA 2008.

[2] FISIM bermaksud Financial Intermediation Services Indirectly Measured (Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung), yang merupakan ukuran tidak langsung untuk menilai perkhidmatan pengantaraan kewangan yang disediakan tetapi tidak dicaj secara eksplisit oleh institusi kewangan. (Sumber: OECD).

Penambahbaikan dalam sumber-sumber data serta maklumat yang lebih menyeluruh mengenai industri juga memberi gambaran yang lebih tepat tentang ekonomi. Jadual Penawaran dan Penggunaan serta Jadual Input-Output Tahun 2005 yang telah disiapkan menyediakan rangka kerja yang diperlukan untuk menyemak ketekalan perangkaan bagi aliran barangan dan perkhidmatan yang diperoleh daripada kaji selidik dan banci Jabatan Perangkaan yang lain dan terkini (contohnya Banci Ekonomi dan Penyiasatan Industri Tahunan serta Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Tahunan). Selain itu, kemasukan industri-industri baharu, seperti terminal minyak dalam subsektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan serta Jatropha, sarang burung dan kenaf dalam sektor pertanian, juga meningkatkan liputan perangkaan akaun negara yang terkini.

Jadual 1 menggariskan beberapa perubahan utama pada siri dengan semakan tahun asas.

Jadual 1: Perubahan dan Penambahbaikan Utama dalam Penyusunan Terkini Akaun Negara

	Perubahan dan Penambahbaikan Utama	Keterangan
1	Perubahan dalam konsep menurut SNA 2008	• Pemodalan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) - Dari segi permintaan, R&D dicerminkan dalam pembentukan modal tetap kasar - Dari segi penawaran, R&D dicerminkan merentas semua sektor • Sebelum ini, R&D tidak diambil kira dalam akaun negara kerana dianggap sebagai input perantaraan dalam pengeluaran
		• FISIM dikira berdasarkan pinjaman dan deposit dengan menggunakan kaedah kadar rujukan pada asas tahunan dan bukan perbezaan antara faedah yang diterima dengan faedah yang dibayar
		• Perbelanjaan awam ke atas sistem persenjataan kini dipermodalkan
2	Penambahbaikan metodologi	• Elemen FISIM kini diagihkan merentas semua sektor.Sebelum ini, disebabkan oleh data yang terhad, FISIM dikira secara eksplisit
3	Penambahbaikan sumber-sumber data dan maklumat	• Ketersediaan Banci Ekonomi 2006, Jadual Penawaran dan Penggunaan serta Jadual Input-Output 2005, Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah 2004-2005, pelbagai kajian tahunan dan banci khusus industri • Aktiviti baharu dimasukkan seperti terminal minyak dalam subsektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan, serta Jatropha, sarang burung dan kenaf dalam sektor pertanian

Implikasi utama

KDNK dari segi nominal adalah lebih tinggi berbanding dengan sebelum ini, mencerminkan maklumat baharu dan penambahbaikan dalam sumber-sumber data. KDNK nominal Malaysia meningkat kepada RM881 bilion pada tahun 2011 (sebelum ini: RM853 bilion), menandakan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita sebanyak RM29,661 (sebelum ini: RM29,094). Peningkatan KDNK selepas pelaksanaan semakan tahun asas adalah selaras dengan negara-negara lain selepas membuat semakan masing-masing (Jadual 2).

Jadual 2: KDNK Nominal untuk Negara Terpilih (pada tahun perubahan asas)

Negara	KDNK Nominal Sebelum Perubahan Asas	KDNK Nominal Selepas Perubahan Asas	Semakan (%)
Korea Selatan (bil won)	**810,516** (2000=100)	**865,241** (2005=100)	**6.8**
Filipina (bil PHP)	**3,355** (1985=100)	**3,581** (2000=100)	**6.7**
Malaysia (bil RM)	**522** (2000=100)	**544** (2005=100)	**4.0**
Singapura (bil $S)	**202** (2000=100)	**209** (2005=100)	**3.4**
China Taipei (bil NT$)	**11,918** (2001=100)	**12,243** (2006=100)	**2.7**
Amerika Syarikat (bil USD)	**12,422** (2000=100)	**12,638** (2005=100)	**1.7**

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan mencakupi bahagian terbesar, diikuti oleh sektor perkilangan, perlombongan, pertanian dan pembinaan. Sektor komoditi mempunyai bahagian yang lebih besar, mencerminkan harga komoditi yang secara relatif lebih tinggi daripada harga bukan komoditi pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2000 (Jadual 3). Dari segi permintaan, pembentukan modal tetap kasar mencakupi bahagian KDNK yang lebih besar, manakala bahagian penggunaan swasta adalah rendah sedikit pada 49.8% (tahun asas 2000: 54.1%) (Jadual 4).

Jadual 3: KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi (2011)

	Pembahagian peratus KDNK 2011 (%)	
	Harga 2000	Harga 2005
Pertanian	**7.3**	**7.7**
Perlombongan	**6.3**	**8.8**
Perkilangan	**27.5**	**25.1**
Pembinaan	**3.2**	**3.0**
Perkhidmatan	**58.6**	**54.2**
KDNK	**100.0**	**100.0**
Tolak: FISIM	*4.2*	-
Campur: Duti Import	*1.3*	*1.2*

Jadual 4: KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2011)

	Pembahagian peratus KDNK 2011 (%)	
	Harga 2000	Harga 2005
Penggunaan Swasta	**54.1**	**49.8**
Pengunaan Awam	**14.9**	**13.2**
Pembentukan Modal Tetap Kasar *Pelaburan Swasta* *Pelaburan Awam*	**22.1** *12.0* *10.1*	**23.5** *13.4* *10.1*
Perubahan dalam stok[1] (RM billion, harga malar)	**7.8**	**3.2**
Export bersih barangan dan perkhidmatan *Export* *Import*	**7.7** *108.4* *100.7*	**13.1** *100.6* *87.5*
KDNK	**100.0**	**100.0**

[1]*Termasuk perbezaan perangkaan*

Kesimpulan

KDNK Malaysia telah diasaskan semula kepada harga tahun asas 2005 bagi mencerminkan perubahan terkini dalam struktur ekonomi dan harga relatif dalam ekonomi. Selain itu, penambahbaikan konsep dan metodologi yang selaras dengan standard antarabangsa terkini akan meletakkan Malaysia setara dengan amalan negara-negara lain.

Inflasi menjadi sederhana pada suku pertama

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 2.3% pada suku pertama (S4 11: 3.2%), mencerminkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* serta *pengangkutan*.

Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* menjadi sederhana kepada 3.5% pada suku pertama (S4 11: 5.3%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan kecil dalam harga daging (1.1%; S4 11: 8.5%) dan penurunan sebanyak 3.7% dalam harga sayur-sayuran (S4 11: +1.9%). Inflasi makanan yang lebih rendah ini mencerminkan pelaksanaan kawalan harga semasa musim perayaan ke atas produk makanan terpilih oleh Kerajaan pada bulan Januari, selain bekalan ayam yang berlebihan, hasil tanaman yang lebih baik daripada jangkaan serta import sayur-sayuran yang lebih murah pada bulan Februari dan Mac.


Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menjadi sederhana kepada 1.4% (S4 11: 3.2%) pada suku pertama memandangkan kesan daripada pelarasan harga petrol RON97 pada bulan Januari dan Februari 2011 semakin berkurang.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat dengan lebih perlahan pada 3.8% pada asas tahunan pada suku pertama (S4 11: 7.5%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan dengan komoditi dan komponen tidak berkaitan dengan komoditi masing-masing mencatat kenaikan lebih rendah pada 9.2% dan 0.8% (S4 11: masing-masing 18.3% dan 2.1%). Harga komponen IHPR tempatan meningkat dengan lebih perlahan pada 4.8% (S4 11: 9.7%) manakala harga komponen IHPR yang diimport juga menjadi lebih sederhana dengan peningkatan sebanyak 1.4% (S4 11: 2.4%).

Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan pada suku pertama


Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhannya terus menggalakkan pada suku pertama, dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 3% (S4 11: 3%). Jumlah tenaga kerja purata pada suku tersebut ialah 12.4 juta. Ini merupakan pertambahan tenaga kerja bersih sebanyak 232.4 ribu orang berbanding dengan suku keempat 2011. Jumlah pemberhentian pekerja pada suku tersebut bertambah kepada 3,388 orang (S4 11: 2,119 orang), terutamanya disebabkan oleh pengambilalihan dua buah syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Pekerja yang diberhentikan dijangka diserap sepenuhnya oleh syarikat yang mengambil alih.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan mencerminkan kajian semula teknikal
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Pada suku pertama, terdapat 316,016 kekosongan jawatan yang diiklankan melalui Portal JobsMalaysia. Disebabkan oleh kajian semula teknikal terhadap sistem portal ini pada bulan Januari 2012, jumlah jawatan yang diiklankan ini tidak boleh dibandingkan dengan 745,205 jawatan yang diiklankan pada suku keempat 2011. Sektor perkilangan mencatat bahagian peluang pekerjaan terbesar (38%), diikuti sektor perkhidmatan (24%) dan pertanian (23%). Upah benar dalam sektor perkilangan naik lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya (7.1%; S4 11: 5.3%).

Lebihan akaun semasa kekal besar

Lebihan **akaun semasa** lebih kecil pada suku pertama, tetapi jumlahnya kekal besar pada RM18.1 bilion, bersamaan dengan 8.4% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih kecil serta aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan barangan menjadi lebih kecil kepada RM35.8 bilion disebabkan oleh pertumbuhan import mengatasi eksport. Eksport kasar meningkat dengan lebih perlahan pada 4.4% (S4 11: 9.8%) disebabkan terutamanya oleh eksport komoditi dan eksport keluaran perkilangan bukan E&E yang lebih sederhana. Pertumbuhan import kasar adalah rendah sedikit pada 6.9% (S4 11: 7.6%)

Imbangan Pembayaran

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**24.3**	**22.4**	**97.1**	**18.1**
(% daripada PNK)	*11.9*	*10.0*	*11.3*	*8.4*
Barangan	37.6	36.8	148.1	35.8
Perkhidmatan	-2.2	-3.8	-8.0	-3.8
Pendapatan	-6.0	-5.3	-22.0	-8.6
Pindahan semasa	-5.0	-5.4	-21.0	-5.3
Akaun Kewangan	**-6.6**	**-0.2**	**22.3**	**-10.3**
Pelaburan langsung di luar negeri	-11.1	-14.7	-46.7	-16.9
Pelaburan langsung asing	11.3	6.5	36.6	7.5
Pelaburan portfolio	8.4	-2.7	25.8	25.3
Derivatif kewangan	0.1	-0.3	-0.1	0.0
Pelaburan lain	-15.3	11.0	6.6	-26.1
- Sektor awam	*-0.5*	*-0.1*	*-1.3*	*-0.5*
- Sektor swasta	*-14.7*	*11.1*	*7.9*	*-25.6*
Kesilapan dan ketinggalan	-1.9	-15.9	-24.5	-14.9
Imbangan Keseluruhan	**15.9**	**6.2**	**94.7**	**-7.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**4.9**	**9.8**	**8.7**	**4.4**
Perkilangan	-0.6	2.1	2.0	0.9
E&E	*-7.5*	*-5.0*	*-5.4*	*-1.7*
Bukan E&E	*7.5*	*10.2*	*10.7*	*3.4*
Komoditi	19.5	29.0	26.5	11.7
Pertanian	*26.5*	*18.9*	*32.6*	*-8.0*
Mineral	*14.8*	*36.9*	*22.3*	*26.0*
Import Kasar	**12.5**	**7.6**	**8.6**	**6.9**
Barangan modal	16.7	8.2	9.7	21.0
Barangan pengantara	12.5	2.3	5.4	-1.3
Barangan penggunaan	5.8	25.4	19.0	20.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**31.8**	**31.1**	**120.3**	**29.8**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

ekoran penguncupan dalam import barangan pengantara.

Eksport meningkat dengan lebih sederhana pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan eksport bukan E&E dan komoditi yang lebih kecil. Eksport bukan E&E berasaskan sumber dan komoditi menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh harga komoditi pertanian yang lebih rendah dalam keadaan permintaan serantau yang kukuh. Eksport mineral kekal mampan, mencerminkan peningkatan permintaan terhadap minyak mentah serta harga minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Eksport E&E mencatat kadar penguncupan yang lebih kecil ekoran permintaan luaran yang bertambah baik terhadap komputer dan peralatannya serta barangan elektrik.

Pertumbuhan **import** kasar yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penurunan import barangan pengantara. Penguncupan import barangan pengantara sebahagian besarnya adalah sejajar dengan penurunan eksport barangan perkilangan. Walau bagaimanapun, import barangan modal dan penggunaan terus berkembang. Pengembangan kukuh dalam import barangan modal disebabkan terutamanya oleh import barangan besar (lumpy import) dan jentera yang lebih tinggi sejajar dengan aktiviti dalam negeri yang bertambah baik. Pertumbuhan import barangan penggunaan kekal mampan, disokong oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna tidak tahan lama.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**-8.0**	**-3.5**	**-5.5**	**5.5**	**8.3**	**8.0**	**8.3**	**8.3**
Kesatuan Eropah (EU)	**5.3**	**3.9**	**4.7**	**-10.4**	**10.7**	**10.2**	**10.4**	**9.1**
Negara ASEAN terpilih[1]	**0.1**	**5.6**	**5.4**	**9.3**	**24.6**	**24.3**	**24.3**	**25.8**
Timur Laut Asia	**2.5**	**9.6**	**8.9**	**-2.0**	**24.4**	**24.2**	**24.6**	**22.9**
Republik Rakyat China	*3.9*	*15.3*	*13.9*	*-3.2*	*12.9*	*12.9*	*13.1*	*11.9*
Hong Kong SAR	*0.0*	*-7.3*	*-3.6*	*-8.1*	*4.6*	*4.2*	*4.5*	*4.0*
China Taipei	*16.9*	*14.5*	*12.4*	*-2.0*	*3.2*	*3.4*	*3.3*	*3.0*
Korea	*-8.3*	*9.0*	*6.1*	*9.4*	*3.8*	*3.6*	*3.7*	*4.0*
Asia Barat	**17.6**	**6.5**	**12.1**	**-4.8**	**3.7**	**3.5**	**3.6**	**3.4**
India	**24.2**	**33.7**	**34.6**	**-5.1**	**3.9**	**4.0**	**4.1**	**3.6**
Jumlah eksport	**4.9**	**9.8**	**8.7**	**4.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit **akaun perkhidmatan** kekal pada RM3.8 bilion memandangkan aliran keluar bersih perkhidmatan lain yang lebih kecil telah diimbangi oleh pendapatan lebih rendah bagi perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan. Aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam perkhidmatan lain disebabkan terutamanya oleh kenaikan pendapatan perkhidmatan perniagaan profesional. Sementara itu, pendapatan perkhidmatan pengangkutan yang lebih rendah mencerminkan terutamanya aktiviti perdagangan yang lebih sederhana. **Akaun pendapatan** mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM8.6 bilion memandangkan terdapat penurunan dalam pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM10.3 bilion pada suku pertama (S4 11: -RM0.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih pelaburan lain yang telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk dana portfolio asing yang besar.

Pelaburan portfolio berubah haluan daripada kedudukan aliran keluar bersih yang kecil kepada aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM25.3 bilion (S4 11: -RM2.7 bilion). Aliran masuk semula ini sebahagian besarnya mencerminkan pembelian sekuriti hutang dan ekuiti oleh pelabur asing ekoran sentimen pasaran yang bertambah baik dalam pasaran kewangan global, khususnya pada awal suku pertama ini. Perkembangan yang sama juga dilihat dalam ekonomi serantau.

Pelaburan langsung asing (FDI) terus meningkat kepada RM7.5 bilion atau 3.5% daripada PNK (S4 11: +RM6.5 bilion atau 2.9% daripada PNK), hasil daripada aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar serta pendapatan tertahan yang lebih tinggi oleh syarikat multinasional (MNC) di Malaysia. Aliran masuk FDI terus menyeluruh pada suku tersebut, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan pelaburan syarikat dalam sektor *perlombongan* dan *perkilangan*, khususnya subsektor *E&E* dan *petrokimia*. Subsektor *kewangan dan insurans* serta *maklumat dan komunikasi* juga menerima pelaburan yang agak besar pada suku pertama.

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia juga meningkat, dengan jumlah aliran keluar bersih pada RM16.9 bilion pada suku pertama (S4 11: -RM14.7 bilion). DIA bersih yang lebih besar ini mencerminkan peningkatan dalam pemberian pinjaman antara syarikat kepada anak syarikat di luar negeri dan juga aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi. Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor *kewangan dan insurans, perdagangan borong dan runcit* serta *penjagaan kesihatan*. Terdapat juga pelaburan ke luar negeri yang agak besar oleh syarikat Malaysia dalam sektor *minyak dan gas*. Kebanyakan daripada pelaburan di luar negeri tertumpu terutamanya dalam negara serantau.

Pelaburan lain berubah arah untuk mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM26.1 bilion (S4 11: +RM11 bilion) pada suku pertama hasil daripada pemulihan dalam aliran sektor swasta. Aliran keluar dalam sektor swasta sebahagian besarnya mencerminkan pelaburan dalam aset di luar negeri oleh sektor perbankan serta pemberian kredit perdagangan bersih yang lebih tinggi.

Imbangan pembayaran keseluruhan berubah arah apabila mencatat defisit sebanyak RM7.2 bilion pada suku pertama (S4 11: +RM6.2 bilion), ekoran lebihan akaun semasa yang lebih rendah serta aliran keluar bersih yang lebih tinggi daripada akaun kewangan. Kesilapan dan ketinggalan (E&O) termasuk pelarasan rizab suku tahunan yang mengambil kira pengurangan nilai disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing pada suku pertama, adalah lebih kecil dalam bentuk aliran keluar sebanyak RM14.9 bilion (S4 11: -RM15.9 bilion). Tanpa mengambil kira pengurangan nilai ini, E&O bersih nyata lebih kecil dan mencerminkan kesilapan dan ketinggalan dalam pengumpulan data.

Hutang luar negeri lebih rendah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM249.5 bilion atau USD80.5 bilion pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 11: RM257.4 bilion atau USD80.4 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 27.8% daripada PNK, dan masih merupakan bahagian yang kecil kepada jumlah hutang[2] (12%).

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang berkurang kepada RM148.6 bilion (akhir bulan Disember 11: RM153.5 bilion), mencerminkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku pertama. Kedudukan ini telah lebih daripada mengimbangi ambilan bersih peminjaman luar negeri yang kecil oleh sektor awam dan swasta.

Pada akhir bulan Mac 2012, hutang luar negeri jangka pendek adalah lebih kecil

[2] Jumlah hutang merangkumi hutang dalam dan luar negeri. Hutang dalam negeri terdiri daripada pinjaman oleh sistem perbankan, sekuriti hutang swasta dan hutang Kerajaan Persekutuan

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2011		2012
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	142.3	153.5	148.6
Sektor awam	77.4	83.1	80.0
Sektor swasta	64.9	70.4	68.6
Hutang jangka pendek[1]	91.1	103.9	100.9
Jumlah hutang luar negeri	**233.5**	**257.4**	**249.5**
bersamaan USD bilion	76.4	80.4	80.5
Hutang luar negeri/PNK (%)	27.2	30.0	27.8
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	3.8	4.1	4.1[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 15 Mei 2012
[a] Awalan


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada RM100.9 bilion (USD32.6 bilion) dan merupakan 40.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Rizab antarabangsa boleh menampung 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM416.1 bilion (bersamaan dengan USD135.7 bilion) pada 30 Mac 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab kerana pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku pertama. Pada 15 Mei 2012, rizab berjumlah RM417.5 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion), yang memadai untuk membiayai import tertangguh selama 9.3 bulan dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan hasil yang berterusan menyokong perbelanjaan Kerajaan

Hasil Kerajaan Persekutuan pada suku pertama meningkat sebanyak 20.4% pada asas tahunan disebabkan oleh pungutan cukai pendapatan yang mampan dan hasil bukan cukai yang lebih tinggi. Peningkatan hasil ini menyokong peningkatan yang setara dalam perbelanjaan mengurus yang didorong oleh bayaran subsidi yang lebih tinggi dan pindahan dana kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM5.8 bilion atau 2.6% daripada KDNK pada suku pertama (S1 11: -2.5% daripada KDNK). Defisit ini telah dibiayai melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2012, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM470.8 bilion atau 51.3% daripada anggaran KDNK 2012.


Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	39.8	47.7	185.4	47.9
% pertumbuhan	*38.4*	*4.0*	*16.1*	*20.4*
Perbelanjaan mengurus	38.7	54.5	182.6	45.6
% pertumbuhan	*21.2*	*23.6*	*20.4*	*18.0*
Akaun semasa	**1.1**	**-6.9**	**2.8**	**2.3**
% daripada KDNK	***0.5***	***-3.0***	***0.3***	***1.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	6.4	19.1	46.4	8.5
% pertumbuhan	*-12.0*	*-8.4*	*-12.1*	*32.3*
Imbangan keseluruhan	**-5.2**	**-25.4**	**-42.5**	**-5.8**
% daripada KDNK	***-2.5***	***-11.1***	***-4.8***	***-2.6***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	45.1	73.6	229.0	54.1
% pertumbuhan	*15.0*	*13.4*	*12.0*	*20.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	430.2	456.1	456.1	470.8
% daripada KDNK	*48.8*	*51.8*	*51.8*	*51.3*
Hutang dalam negeri	414.2	438.0	438.0	453.9
% daripada KDNK	*47.0*	*49.7*	*49.7*	*49.4*
Hutang luar negeri	15.9	18.1	18.1	16.9
% daripada KDNK	*1.8*	*2.1*	*2.1*	*1.8*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku pertama 2012. Paras OPR semasa ini mencerminkan keadaan monetari yang terus menyokong aktiviti ekonomi negara.


Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku pertama. Pada tempoh 3 Januari – 30 Mac 2012, AOIR bergerak dalam julat kecil antara 2.95% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Walau bagaimanapun, kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swaps, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR meningkat pada suku pertama disebabkan pasaran mengubah jangkaan awal terhadap pengurangan OPR apabila pertumbuhan KDNK lebih kukuh daripada jangkaan pada suku keempat 2011, selain keadaan ekonomi dan kewangan global yang bertambah baik.

Kadar deposit runcit kekal stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac 2012, kadar FD disebut purata bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.93% hingga 3.21%.


Kos peminjaman juga stabil pada suku pertama. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.53% sepanjang tempoh tersebut. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.62% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 2011: 5.65%). Kos peminjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah kekal di bawah paras sebelum krisis.

Kadar Antara Bank Semalaman Purata Wajaran Harian




Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR




Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2011		2012
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.74	2.99	3.00
1 bulan	2.79	3.05	3.06
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.27	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) wajaran			
Bank perdagangan	5.64	5.65	5.62
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.71	2.95	2.93
12 bulan	2.98	3.22	3.21

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama 2012. Wang secara kecil, atau M1, meningkat sebanyak RM13.3 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 13.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 11: 15.1%). Wang secara luas, atau M3, meningkat sebanyak RM38.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 15% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 11: 14.4%).

Penambahan M3 mencerminkan pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta, sejajar dengan kadar aktiviti ekonomi yang mampan. Peningkatan dalam aliran masuk modal bersih, yang memberikan kesan pengembangan terhadap M3, telah dicerminkan oleh peningkatan aset asing bersih dalam sistem perbankan. Walau bagaimanapun, pengembangan M3 sebahagiannya diimbangi oleh pengeluaran deposit oleh sektor swasta untuk pembelian sekuriti terbitan Kerajaan.

Pada suku pertama, mudah tunai sistem perbankan yang lebih tinggi daripada aliran masuk modal disterilisasi oleh Bank Negara Malaysia menerusi pelbagai instrumen.


Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**28.0**	**55.2**	**156.3**	**38.8**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-3.7	-7.3	-12.0	-4.9
Tuntutan terhadap sektor swasta	22.8	35.7	116.4	23.1
Pinjaman	*26.5*	*33.4*	*111.8*	*18.4*
Sekuriti	*-3.7*	*2.2*	*4.6*	*4.7*
Aset asing bersih[1]	25.2	7.5	95.8	17.2
BNM	*15.7*	*11.2*	*87.0*	*0.4*
Sistem Perbankan	*9.5*	*-3.8*	*8.8*	*16.8*
Pengaruh lain	-16.3	19.3	-43.9	3.3

[1] Sebelum penilaian semula


Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta lebih kukuh

Pada suku pertama, keadaan pembiayaan kekal menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM259.9 bilion (S4 11: RM240.6 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) bersih. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 13.3% pada akhir bulan Mac 2012 (S4 11: 12.5%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor perniagaan, walaupun pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan menjadi sederhana sedikit disebabkan oleh pembayaran balik yang besar pada suku pertama, pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan kekal tinggi. Sebahagian besar pinjaman ini dikeluarkan untuk membiayai modal kerja dalam *sektor borong dan runcit, restoran dan hotel; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan,* serta *bekalan elektrik, gas dan air*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya daripada sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; harta tanah; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*, serta sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan 10.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 11: 13.5%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah berkembang lebih sederhana sebanyak RM11.9 bilion untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 11.9% pada akhir bulan Mac (S4 11: RM17.7 bilion atau 12.9%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	2011	S1	S1	S4	2011	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**201.4**	**240.6**	**890.8**	**259.9**	**6.1**	**8.9**	**10.8**	**29.1**
Pengeluaran pinjaman*	188.6	219.7	811.3	216.7	8.2	16.3	12.0	14.9
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	11.6	17.1	66.9	41.9	161.3	-2.1	42.6	260.6
Ekuiti	1.1	3.8	12.6	1.3	-89.9	-73.9	-60.7	20.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.8**	**32.1**	**147.4**	**45.8**	**12.1**	**12.5**	**12.5**	**13.3**
Sistem perbankan	25.9	31.7	122.5	25.0	12.4	12.9	12.9	12.5
Pinjaman terkumpul (A)	*28.8*	*31.2*	*120.2*	*19.7*	*13.2*	*13.6*	*13.6*	*12.2*
Pemegangan PDS	*-2.8*	*0.5*	*2.2*	*5.3*	*2.1*	*3.6*	*3.6*	*17.3*
PDS terkumpul (B)	4.0	0.8	27.2	26.1	8.7	9.3	9.3	16.5
Memoranda								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	12.2	18.3	69.6	44.8	161.3	-5.2	33.4	266.5

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	2011	S1	S1	S4	2011	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	168.5	192.3	745.4	195.4	26.8	10.9	16.2	16.0
Kelulusan pinjaman	87.6	104.0	400.3	89.8	25.0	13.4	16.6	2.4
Pengeluaran pinjaman	188.6	219.7	811.3	216.7	8.2	16.3	12.0	14.9
Bayaran balik pinjaman	168.1	195.5	725.6	205.5	8.8	16.5	11.8	22.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	28.8	31.2	120.2	19.7	13.2	13.6	13.6	12.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	79.6	95.7	357.9	105.3	32.6	16.6	19.9	32.3
Kelulusan pinjaman	38.9	52.5	193.3	45.3	32.8	20.8	21.3	16.5
Pengeluaran pinjaman	122.1	150.8	543.5	152.5	4.2	21.1	12.5	24.9
Bayaran balik pinjaman	109.8	137.8	494.7	146.0	4.3	21.9	11.6	32.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.3	13.2	44.8	3.6	10.9	13.5	13.5	10.8
PKS**								
Permohonan pinjaman	37.7	40.8	163.4	54.3	35.0	19.3	27.3	44.0
Kelulusan pinjaman	16.4	15.9	70.4	16.5	27.3	10.8	21.8	0.4
Pengeluaran pinjaman	41.6	48.5	179.9	47.3	17.3	21.9	22.3	13.7
Bayaran balik pinjaman	37.2	43.9	159.7	46.1	11.4	17.2	16.4	23.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.4	8.2	24.8	4.8	2.4	19.3	19.3	19.9
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	41.9	54.9	194.5	51.0	30.5	14.6	14.3	21.7
Kelulusan pinjaman	22.4	36.6	122.9	28.8	37.1	25.8	21.1	28.3
Pengeluaran pinjaman	80.4	102.3	363.6	105.1	-1.5	20.7	8.2	30.7
Bayaran balik pinjaman	72.6	94.0	335.0	99.9	1.1	24.3	9.5	37.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.9	5.0	20.0	-1.2	17.0	9.8	9.8	5.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	88.9	96.7	387.5	90.2	22.0	5.8	13.0	1.4
Kelulusan pinjaman	48.8	51.5	207.0	44.5	19.4	6.7	12.4	-8.8
Pengeluaran pinjaman	66.6	68.9	267.7	64.2	16.4	7.1	10.9	-3.5
Bayaran balik pinjaman	58.3	57.7	231.0	59.5	18.4	5.2	12.0	2.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.8	17.7	63.1	11.9	13.2	12.9	12.9	11.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S1 11	S4 11	2011	S1 12		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**122.1**	**150.8**	**543.5**	**152.5**	**70.4**	**44.8**
Syarikat besar	*80.4*	*102.3*	*363.6*	*105.1*	*48.5*	*29.4*
*PKS**	*41.6*	*48.5*	*179.9*	*47.3*	*21.8*	*15.4*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.6	6.1	22.9	5.7	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	1.1	1.3	5.1	1.4	0.6	0.5
Perkilangan	41.2	47.4	175.6	46.3	21.3	9.0
Pembinaan	10.3	14.0	45.1	11.9	5.5	3.9
Harta tanah	6.4	9.6	33.3	8.0	3.7	5.3
Bekalan elektrik, gas dan air	1.5	1.4	5.6	1.7	0.8	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	30.8	38.0	139.7	44.1	20.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.4	6.4	19.7	4.6	2.1	2.8
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	14.9	16.4	63.0	21.5	9.9	7.3
Isi rumah	**66.6**	**68.9**	**267.7**	**64.2**	**29.6**	**55.2**
Pembelian harta kediaman	15.0	17.0	64.5	16.4	7.6	25.8
Kredit penggunaan	40.1	41.6	162.9	37.1	17.1	19.5
Antaranya:						
Kad kredit	*23.3*	*23.6*	*93.7*	*21.4*	9.9	3.1
Pembelian kereta penumpang	*8.9*	*9.3*	*35.7*	*8.6*	*4.0*	*11.4*
Lain-lain	11.4	10.3	40.3	10.7	*4.9*	*9.8*
Jumlah	**188.6**	**219.7**	**811.3**	**216.7**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat dengan ketara

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM43.5 bilion pada suku pertama (S4 11: RM19.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Terbitan PDS baharu meningkat dengan ketara kepada RM44.8 bilion (S4 11: RM17.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh satu terbitan hutang yang besar untuk membiayai satu penyatuan dan pengambilalihan. Walau bagaimanapun, dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti menurun kepada RM1.3 bilion. Dana diperoleh terutamanya melalui terbitan hak (RM0.8 bilion), manakala yang selebihnya diperoleh melalui tawaran awam awal dan penempatan persendirian atau tawaran jualan terhad. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta dalam pasaran modal berjumlah RM29.8 bilion (S4 11: 3.5 bilion).

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM13.7 bilion (S4 11: RM15.9 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10.5 tahun dan 15 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3.5 tahun, 5.5 tahun dan 7.5 tahun, dan pembukaan semula MGS 7 tahun.


Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**24.6**	**15.9**	**45.6**	**13.7**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	24.6	15.9	47.1	15.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*15.1*	*12.9*	*58.8*	*12.8*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*9.5*	*6.1*	*36.4*	*12.0*
Tolak: Penebusan	-	*3.1*	*48.1*	9.2
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.0)	(1.6)	(1.9)
Oleh Sektor Swasta	**5.1**	**3.5**	**37.1**	**29.8**
Saham	1.1	3.8	12.6	1.3
Sekuriti hutang, *bersih*	4.0	(0.3)	24.5	28.5
Sekuriti Hutang Swasta	*12.2*	*17.4*	*69.6*	*44.8*
Tolak: Penebusan	*8.2*	*17.7*	*45.1*	*16.3*
Jumlah	**29.7**	**19.4**	**82.7**	**43.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia


Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil tanda aras mendatar

Pada suku pertama, kadar hasil MGS dipengaruhi oleh jangkaan pasaran terhadap pelarasan kadar dasar dalam persekitaran pertumbuhan global yang tidak menentu. Pada enam minggu pertama tahun 2012, kadar hasil MGS menurun berikutan para pelabur menjangkakan penurunan kadar dasar disebabkan oleh kemungkinan pemulihan ekonomi global yang semakin lembap. Dari pertengahan bulan Februari sehingga akhir bulan Mac, kadar hasil meningkat disebabkan oleh jangkaan terhadap penurunan kadar dasar yang berkurang disebabkan oleh tanda-tanda prospek pertumbuhan global yang bertambah baik. Secara keseluruhan, penanda aras MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 15 dan 11 mata asas, manakala MGS 10 tahun mencatat penurunan sebanyak 2 mata asas.

Kadar hasil bon korporat mencatat penurunan pada permulaan suku pertama, sejajar dengan kadar hasil MGS, tetapi menjadi stabil antara pertengahan bulan Februari sehingga bulan Mac. Kertas penarafan AAA, AA dan A 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 11, 20 dan 20 mata asas.

Kadar Hasil MGS (5 tahun) dan Kadar Hasil Bon Korporat (5 tahun)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM220 bilion pada suku pertama (S4 11: RM209 bilion). Keadaan mudah tunai yang bertambah baik adalah ketara dalam segmen MGS dan GII yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi, iaitu masing-masing pada 0.51 dan 0.45. Walau bagaimanapun, segmen PDS mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah sedikit pada 0.07.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul




Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI meneruskan trend menaik

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 65.6 mata untuk ditutup pada 1,596.3 mata pada suku pertama (akhir bulan Disember 11: 1,530.7), seiring dengan trend dalam pasaran global dan serantau. Indeks meningkat sebanyak 4.3% (S4 11: 10.4%), mencerminkan perkembangan positif dalam menangani krisis hutang kerajaan Eropah dan pengumuman data ekonomi yang menggalakkan daripada Amerika Syarikat, yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelabur. Hasilnya, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.36 trilion pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 2011: RM1.28 trilion) manakala

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2012 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2011			2012
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,545.1	1,530.7	1,530.7	1,596.3
FBMEMAS[1]	10,612.5	10,489.1	10,489.1	10,939.6
Pasaran ACE[2]	4,333.5	4,068.6	4,068.6	4,583.8
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,311.0	1,284.5	1,284.5	1,355.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	954	941	941	939
	Pada tempoh suku			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,730.1	1,615.5	1,343.8	2,019.9
Nilai (RM juta)	2,233.9	1,411.7	1,566.1	1,977.8

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

urus niaga purata harian meningkat kepada 2.02 bilion unit (S4 11: 1.62 bilion unit) pada suku pertama. Kepentingan terbuka dalam pasaran hadapan FBM KLCI meningkat kepada 29,962 kontrak pada akhir suku pertama 2012 (S4 11: 23,505).

Pada 21 Mei 2012, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,538.9 mata (sejak akhir bulan Mac 2012: -3.60%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.29 trilion (sejak akhir bulan Mac 2012: -5.10%).

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2011						2012	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	102.1	131.8	98.5	86.1	329.2	438.2	119.2	116.4
Antaranya:								
Papan Utama	84.1	128.4	68.3	81.6	249.3	424.5	75.6	109.5
Antaranya								
Produk Pengguna	4.0	5.4	8.1	6.0	19.1	21.3	9.4	7.8
Produk Industri	18.8	21.2	14.6	10.7	51.8	60.5	13.3	16.7
Pembinaan	4.6	9.0	2.7	4.1	13.5	25.1	2.8	4.9
Dagangan/Khidmat	33.5	46.2	20.1	28.2	86.4	153.4	29.4	39.9
Kewangan	4.4	24.6	6.0	15.5	20.9	92.1	4.0	19.8
Harta Benda	12.8	9.6	8.4	6.7	34.3	31.4	7.8	6.5
Perladangan	2.4	8.2	2.0	4.9	7.4	23.9	1.7	5.8
Infrastruktur	1.1	2.4	1.3	2.6	4.0	9.3	2.0	3.4
Pasaran ACE[1]	8.3	1.2	18.7	2.7	47.7	7.5	27.7	4.3

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE


Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau dan kebanyakan mata wang utama

Trend penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku terakhir 2011 berterusan sehingga dua bulan pertama 2012, berikutan pengumuman data ekonomi Asia dan AS yang lebih baik daripada jangkaan, dan kemajuan dalam menangani krisis hutang kerajaan di Eropah. Hasilnya, para pelabur lebih optimis dan berminat terhadap aset kewangan di rantau ini. Walau bagaimanapun, trend penambahan nilai ringgit ini sebahagiannya dikurangkan oleh pengeluaran dana daripada rantau ini oleh pelabur antarabangsa pada bulan Mac sebagai tindak balas terhadap pengumuman data yang lemah di Asia. Bagi suku pertama keseluruhannya, ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (9.6%) dan euro (0.4%), tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan paun sterling (-0.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh dalam julat 0.1% hingga 3.8%.


Pada tempoh antara 1 April sehingga 21 Mei 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (2.3%), tetapi menyusut nilai

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih
Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2012)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama




Sumber: Bank Negara Malaysia

berbanding dengan yen Jepun (-5.4%), dolar AS (-2.0%) dan paun sterling (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (0.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand, dolar Singapura, rupiah Indonesia, peso Filipina dan renminbi China antara -0.6% hingga -1.6%.

Jumlah swap dan urus niaga hadapan mata wang asing terus meningkat

Jumlah swap dan urus niaga hadapan mata wang asing meningkat sebanyak 1.9% pada suku pertama. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai oleh pengeksport tempatan yang menguruskan dedahan mata wang asing mereka secara proaktif melalui jualan ke hadapan dolar AS, berikutan jangkaan ringgit akan menjadi lebih kukuh. Sikap optimis yang semakin meningkat dalam pasaran kewangan juga menyebabkan kos menjadi lebih rendah dalam pasaran pendanaan dolar serantau dan dalam negeri. Berdepan dengan persekitaran ini, mata swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun menjadi lebih kecil daripada 240 mata asas pada suku keempat 2011 kepada 125 mata asas pada bulan Mac.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 11	S4 11	S1 12	21 Jul 05	S1 11	S4 11
Dolar AS	3.8000	3.0259	3.1770	3.0680	23.9	-1.4	3.6
Euro	4.6212	4.2762	4.1118	4.0955	12.8	4.4	0.4
Paun sterling	6.6270	4.8687	4.8962	4.9008	35.2	-0.7	-0.1
100 yen Jepun	3.3745	3.6602	4.0975	3.7396	-9.8	-2.1	9.6
Dolar Singapura	2.2570	2.3994	2.4427	2.4405	-7.5	-1.7	0.1
100 baht Thailand	9.0681	9.9947	10.009	9.9433	-8.8	0.5	0.7
100 peso Filipina	6.8131	6.9637	7.2468	7.1407	-4.6	-2.5	1.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0347	0.0347	0.0334	15.7	4.0	3.8
100 won Korea	0.3665	0.2747	0.2746	0.2702	35.6	1.7	1.6
Renminbi China	0.4591	0.4617	0.5034	0.4870	-5.7	-5.2	3.4

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan kekal kukuh sepanjang suku pertama 2012, disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan keadaan pasaran kewangan yang terurus. Pengantaraan kewangan yang terus berfungsi dengan berkesan telah menyediakan persekitaran yang menyokong aktiviti ekonomi. Keyakinan terhadap sistem kewangan turut terpelihara.


Kualiti keseluruhan dedahan kredit sektor kewangan kekal terurus, disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap. Pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak (bagi tempoh satu hingga kurang daripada tiga bulan) menunjukkan peningkatan dari segi nilai dan nisbah. Pada akhir bulan Mac 2012, nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak masing-masing pada 1.7% daripada pinjaman bersih (S4 11: 1.8%), atau 3.5% daripada pinjaman kasar (S4 11: 3.6%). Dedahan risiko kredit industri insurans, yang sebahagian besarnya berpunca daripada pemegangan sekuriti hutang swasta, juga kekal pada paras yang terurus dengan dedahan pada 3.4% daripada jumlah modal penanggung insurans (S4 11: 3.2% daripada jumlah modal).

Pertumbuhan keberhutangan isi rumah terus menjadi sederhana kepada 0.4% pada suku tersebut (S4 11: 3.2%). Pembiayaan bagi pembelian harta kediaman meningkat sebanyak 3.4% (S4 11: 3.2%), manakala baki kad kredit terkumpul menurun pada suku tersebut. Sektor isi rumah terus menunjukkan keupayaan untuk memenuhi tanggungan hutangnya, dengan nisbah pinjaman terjejas keseluruhan bagi sektor isi rumah bertambah baik sedikit kepada 1.7% pada suku tersebut (S4 11: 1.8%).

Pemberian kredit kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 0.9% pada suku tersebut, dengan peningkatan menyeluruh dalam pembiayaan merentas sektor perniagaan. Risiko kredit bagi portfolio ini kekal terurus dengan risiko pinjaman gagal dibayar (risk of delinquency), seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bertambah baik kepada 0.53% (S4 11: 0.68%), disokong oleh keupayaan khidmat bayar balik hutang yang berterusan oleh perniagaan. Pada suku tersebut, paras pinjaman terjejas bagi sektor perniagaan bertambah baik kepada 3.8% daripada pinjaman perniagaan kasar (S4 11: 4.1%).

Paras ketidaktentuan pasaran kewangan global secara keseluruhan bertambah baik pada suku pertama berikutan tindakan ketara yang diambil oleh penggubal dasar Eropah yang menyebabkan sentimen pasaran global menjadi lebih baik. Di dalam negeri, pasaran kewangan kekal terurus dan mempunyai keupayaan yang lebih daripada mencukupi sebagai pengantara aliran portfolio. Mudah tunai dagangan dalam pasaran hutang dan pasaran ekuiti kekal teratur, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pusing ganti yang lebih tinggi dan spread bida-tawar (bid-ask spread) yang secara relatif stabil. Dedahan risiko kadar faedah kekal stabil pada 4.9% daripada modal asas bagi sistem perbankan manakala dedahan bagi sektor insurans mencakupi 3.1% daripada modal asas (S4 11: 3.8%). Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti terus terkawal pada 0.9% daripada modal asas (S4 11: 0.9%), manakala dedahan bagi penanggung insurans meningkat sedikit kepada 7.0% (S4 11: 6.8%) daripada asas modal berikutan pelaburan lebih tinggi dalam ekuiti berjumlah RM31.3 bilion (S4 11: RM29 bilion).

Sistem Perbankan: Kualiti aset




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor kewangan kekal berdaya tahan

Permodalan sektor kewangan terus teguh dengan penampan kewangan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan kerugian ekoran keadaan kewangan dan ekonomi yang mungkin menjadi sukar. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko sistem perbankan kekal kukuh, masing-masing pada 13.0% (S4 11: 13.6%) dan 14.7% (S4 11: 15.6%). Kira-kira 88.7% daripada jumlah modal merupakan modal Kumpulan 1 berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar dan rizab. Modal melebihi keperluan minimum kawal selia 8% kekal tinggi pada RM71.6 bilion. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 224.8% (S4 11: 222.5%) dan lebihan penampan modal sebanyak RM20.8 bilion.

Sektor Insurans: Permodalan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.7 bilion bagi suku pertama (S4 11: RM5.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pembiayaan dan pendapatan berasaskan fi, yang sebahagiannya mengimbangi kenaikan kos overhed. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% (S4 11: 1.6%) dan 19.1% (S4 11: 17.4%).


Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM4 bilion (S4 11: RM4.3 bilion). Jumlah premium bersih yang lebih rendah bagi produk hayat biasa dan produk berkaitan pelaburan sebahagiannya diimbangi oleh keuntungan modal lebih tinggi hasil daripada keadaan pasaran kewangan yang lebih baik. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan pengunderaitan dan kendalian yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM317.9 juta dan RM653 juta (S4 11: kerugian pengunderaitan sebanyak RM242 juta dan keuntungan kendalian sebanyak RM143.2 juta) kerana bilangan tuntutan yang sederhana. Nisbah tuntutan bagi perlindungan 'Akta' untuk Motor (perlindungan insurans mandatori yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987) bertambah baik kepada 182.7% (S4 11: 321.4%).

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Daya tahan sektor perbankan terus diperkukuh oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Penampan mudah tunai mencakupi 18% daripada jumlah deposit bagi keperluan mudah tunai yang matang dalam masa satu bulan. Ketakpadanan mudah tunai mata wang

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta				Perubahan tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga								
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,238.5	4,342.9	12,662.2	3,964.2	11.4	37.8	-9.4	22.4
Insurans am & takaful am								
Keuntungan kendalian	553.9	143.2	1,776.9	653.0	5.6	-74.6	-20.9	17.9
Nisbah tuntutan (%)	61.5	66.7	66.7	60.5	-1.3	4.6	4.6	-1.0

Sumber: Bank Negara Malaysia

asing oleh bank kekal terurus dan mencatat kedudukan negatif yang kecil dalam kelompok kurang satu bulan pada RM11.5 bilion, sejajar dengan aliran mudah tunai USD dalam negeri yang bertambah baik.

Persidangan Tahunan Ke-13 Persatuan Pendapatan Tetap, Pasaran Wang dan Derivatif India dan Persatuan Peniaga Kewangan Utama India Kuala Lumpur, 27 Januari 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Lebih setengah dekad telah berlalu sejak krisis kewangan global mula tercetus, namun kesan krisis tersebut masih lagi dirasai di seluruh dunia. Landskap kewangan dan ekonomi global semasa terus dilanda tekanan dan ketidakpastian, berpunca daripada kelemahan struktur, langkah pembayaran balik hutang oleh sektor kewangan dan bukan kewangan swasta, serta kemerosotan kedudukan fiskal sektor awam di negara-negara maju. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam jangka terdekat ini, transformasi asas ekonomi dan kewangan global yang bermula sejak sebelum krisis tidak terjejas. Satu ekonomi global baharu semakin menyerlah. Kebangkitan ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun sedang menghasilkan penjajaran semula landskap global, dengan imbangan kekuatan ekonomi global beralih kepada ekonomi-ekonomi tersebut lalu membawa perubahan aliran ekonomi dan kewangan global jangka panjang. Dengan pertumbuhan pesat permintaan dalam negeri yang disokong oleh peluang pelaburan produktif yang meluas di dalam dan merentas ekonomi sedang pesat membangun, diunjurkan bahawa 60 peratus daripada jumlah keluaran dunia menjelang tahun 2030 akan dihasilkan oleh ekonomi tersebut, iaitu 20 peratus lebih tinggi daripada paras semasa.

Saya sangat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kedatangan para hadirin ke Persidangan Tahunan Ke-13 ini yang dianjurkan oleh Persatuan Pendapatan Tetap, Pasaran Wang dan Derivatif India serta Persatuan Peniaga Kewangan Utama India. Kuala Lumpur amat berbangga kerana diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah persidangan kali ini. Tema persidangan ini, 'Wang, Bon dan Derivatif Asia dalam Ekonomi Global Baharu' merupakan topik yang amat relevan untuk dibincangkan dalam tempoh peralihan kepada dunia yang semakin multipolar sifatnya, dengan rantau Asia bersama-sama rantau sedang pesat membangun lain dijangka memainkan peranan lebih penting.

Potensi Asia dan Integrasi Serantau

Walaupun krisis kewangan global baru-baru ini telah membawa bersamanya pelbagai cabaran buat kita, namun krisis tersebut juga memaparkan daya ketahanan rantau Asia dalam mengharungi pelbagai kejutan besar yang tercetus dalam pasaran kewangan antarabangsa. Sistem kewangan Asia telah menunjukkan keupayaan untuk terus berfungsi dan memenuhi keperluan pelaburan utamanya. Tambahan pula trend ke arah integrasi kewangan serantau yang lebih erat akan membolehkan dan memudahkan penyaluran dana lebihan yang agak besar dengan lebih berkesan dan cekap kepada aktiviti ekonomi di rantau ini. Malah, sudah terdapat peningkatan aktiviti ekonomi dan kewangan dalam rantau ini. Integrasi ekonomi ini turut disokong oleh permintaan yang tinggi daripada golongan kelas pertengahan Asia yang semakin bertambah, yang dianggarkan akan mencecah 3.3 bilion orang menjelang tahun 2030. Perdagangan dalam rantau Asia kini mencakupi lebih 50 peratus daripada keseluruhan perdagangan di rantau ini, meningkat daripada 32 peratus pada tahun 1995. Sementara itu, aktiviti pelaburan dalam rantau ini juga semakin meningkat.

Dengan asas-asas ekonomi yang kukuh dan prospek pertumbuhan Asia yang positif, institusi kewangan antarabangsa dan serantau kini mengalih tumpuan ke rantau ini.

Kadar tabungan yang tinggi di rantau Asia dan keperluan pembangunan infrastruktur yang besar akan membolehkan rantau ini meraih manfaat yang besar daripada pengantaraan dana lebihan Asia yang lebih berkesan dan cekap. Malah, pelaburan portfolio merentas sempadan dalam rantau ini telah pun meningkat kepada 28 peratus daripada jumlah pemegangan aset pada tahun 2011, berbanding 21 peratus pada tahun 2001. Integrasi serantau yang erat akan menghasilkan manfaat yang lebih besar, bukan sahaja dalam mendorong peruntukan sumber yang lebih cekap di rantau ini bahkan berfungsi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih pesat. Pada tahun-tahun yang akan datang, apabila pertumbuhan dalam ekonomi-ekonomi maju dijangka terus lembab ekoran krisis kewangan dan hutang, prestasi pertumbuhan Asia dijangka terus mampan, lantas mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai komponen yang semakin penting dalam ekonomi global.

Pasaran kewangan Asia turut memaparkan kemudahan pembiayaan bagi penerbit-penerbit Asia, dan juga menyaksikan permintaan yang tinggi dan kos pendanaan yang kompetitif dalam tempoh ketika pasaran kewangan di negara-negara maju menghadapi keadaan pembiayaan yang lebih ketat. Dalam tempoh yang lebih mencabar ini, negara-negara Asia seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Vietnam dan Malaysia, terus berjaya mengakses pasaran dan menerbitkan bon dengan tempoh matang sehingga 30 tahun. Di samping itu, dengan pasaran kewangan Asia menjadi semakin maju, kapasiti pasaran kewangan untuk membiayai urus niaga dalam kuantiti yang lebih besar pada kos yang lebih efektif juga telah meningkat. Pada tahun 2011, Malaysia buat julung kalinya menerbitkan Sukuk berdaulat global USD bertempoh matang 10 tahun, dengan jumlah saiz terbitan sebanyak USD2 bilion, di bawah prinsip Syariah yang inovatif iaitu Wakala. Terbitan ini mencatat kadar pulangan mutlak paling rendah yang pernah dicapai oleh negara Asia bagi terbitan USD baharu. Satu lagi terbitan yang menempa sejarah pasaran domestik ialah terbitan oleh PLUS Berhad, pengendali tol terbesar di Malaysia, dengan rekod saiz terbitan tertinggi sebanyak RM30.6 bilion bersamaan dengan USD9.7 bilion, dengan tempoh matang antara 5 hingga 27 tahun.

Kedalaman dan keluasan pasaran modal Asia telah berjaya menarik minat pelabur untuk memperluas aktiviti pelaburan mereka ke rantau ini. Malah bank-bank pusat, yang lazimnya merupakan pelabur konservatif, telah mula melabur sebahagian daripada rizab mereka dalam pasaran serantau. Sejak tahun 2003, Bank Negara Malaysia melabur secara berperingkat-peringkat dalam pasaran serantau, termasuk melabur dalam pasaran rupee di India. Bank Negara Malaysia sebagai salah satu Pelabur Institusi Asing, boleh melabur secara aktif dalam pasaran rupee di India.

Kemajuan Pasaran Kewangan Malaysia

Usaha yang berterusan telah dilaksanakan untuk mentransformasi sektor kewangan Malaysia dengan salah satu dimensi utamanya adalah untuk memperluas integrasi serantau. Sepanjang dekad ini, tumpuan pembangunan infrastruktur keinstitusian dan kewangan menjurus ke arah meningkatkan kapasiti sektor kewangan domestik serta membina persekitaran yang lebih berdaya saing. Hasilnya, Malaysia kini mempunyai asas-asas yang kukuh untuk menggerakkan sektor kewangannya ke tahap pembangunan yang lebih tinggi, yang akan menumpukan pada bidang-bidang yang mempertingkat daya saing dan kecekapan sektor kewangan serta peranan yang boleh dimainkannya untuk terus menyokong transformasi ekonomi negara dan memperkukuh kesalinghubungan di rantau ini.

Sejajar dengan transformasi Malaysia dan kewujudan landskap kewangan baharu, satu aspek utama pembangunan pasaran kewangan ialah mewujudkan pasaran yang dalam, cair dan cekap (deep, liquid and efficient), khususnya pasaran bon domestiknya. Pasaran bon Malaysia telah pun berkembang kepada RM867 bilion atau 105 peratus daripada KDNK pada tahun 2011 lalu, menjadikan pasaran

ini salah satu pasaran bon terbesar di Asia Tenggara. Pasaran ini telah diliberalisasi untuk membolehkan terbitan oleh syarikat asing dan juga terbitan dalam mata wang yang pelbagai. Pasaran modal Islam juga telah berkembang dengan adanya lebih banyak penerbit dan pelabur antarabangsa yang beroperasi dalam pasaran sukuk ringgit dan mata wang asing di Malaysia. Pasaran ini turut menyaksikan struktur inovatif baharu bagi terbitan sukuk, termasuk terbitan renminbi pertama di dunia daripada Khazanah Holdings. Pasaran wang dan pertukaran asing juga terus berkembang dari segi kedalaman dan kecairannya. Urus niaga dalam pasaran wang domestik dan pasaran pertukaran asing masing-masing kini mencecah jumlah sebanyak RM23.5 trilion dan RM9.21 trilion. Penyertaan dalam pasaran ini juga semakin meluas, dengan bertambahnya penerbit baharu, bank, institusi dan pelabur secara amnya, termasuk peningkatan dalam bilangan peserta serantau.

Seterusnya, langkah-langkah akan diperkenalkan untuk mendorong lagi penyertaan peserta serantau dalam pasaran domestik melalui liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara beransur-ansur dan pembangunan infrastruktur penyelesaian merentas sempadan untuk menggalakkan perdagangan dan penyelesaian mata wang asing yang lebih cekap dan kompetitif.

Pengaturan yang Menyokong Proses Integrasi Serantau

Sejak kebelakangan ini, negara-negara di rantau ini giat bekerjasama untuk mewujudkan pengaturan yang menyokong proses integrasi ekonomi dan kewangan. Rantau ASEAN khususnya, telah pun meraih manfaat daripada pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN yang diwujudkan untuk meningkatkan daya saing ASEAN sebagai pangkalan pengeluaran untuk pasaran dunia melalui pemansuhan sekatan perdagangan dalam ASEAN. Langkah ini kini diperkukuh oleh pelaksanaan Kawasan Pelaburan ASEAN, yang diwujudkan untuk menggalakkan aliran modal, pekerja mahir dan teknologi di rantau ini. Dalam bidang pasaran kewangan, Rangka Tindakan Forum Pasaran Modal ASEAN juga berusaha untuk mencapai kemajuan ketara dalam pembentukan pasaran serantau yang bersepadu. Visi ini merangkumi pergerakan modal yang bebas, kemudahan bagi penerbit dana untuk memperoleh modal di mana-mana jua dan membuka ruang kepada pelabur untuk mendapatkan akses kepada saluran pelaburan di mana-mana jua di rantau ini. Dalam pasaran sedemikian, pelabur boleh berurus niaga secara bebas dalam produk pasaran modal ASEAN di mana-mana pasaran ASEAN pada kos yang kompetitif daripada hanya satu akses, dengan kebolehan pengantara pasaran modal menyediakan perkhidmatan di seluruh rantau ASEAN. Hubungan merentas sempadan yang kukuh dalam pasaran modal ASEAN yang bersepadu membuka banyak peluang perniagaan kepada negara-negara untuk memanfaatkan pelbagai kelebihan berbanding di rantau ini.

Malaysia sebagai pusat akses, boleh menjadi salah satu laluan bagi negara, institusi dan pelabur bukan ASEAN untuk menyertai pasaran-pasaran ini. Malaysia mempunyai persekitaran yang kondusif, dilengkapi dengan pengawalseliaan yang mantap untuk menyokong aktiviti perniagaan, sambil memelihara kestabilan kewangan. Di samping itu, terdapat hubungan ekonomi dan kewangan dua hala yang telah diperkukuh, dan trend sebegini semakin nyata di seluruh Asia. Tambahan pula, terdapat kecenderungan yang lebih tinggi untuk meraih manfaat daripada potensi pertumbuhan Asia yang amat besar melalui penyertaan dalam badan-badan serantau. Dalam kelompok ASEAN, antara keutamaan ialah usaha untuk mengukuhkan kerjasama bagi meningkatkan lagi peranan sektor kewangan untuk menyokong matlamat mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015.

Pengurangan Risiko Ketika Asia Meningkatkan Integrasi Serantau

Peristiwa yang berlaku semasa krisis hutang kerajaan di Eropah baru-baru ini memberikan banyak pengajaran buat kita. Meskipun penyertaan dalam pelbagai pasaran kewangan

membawa manfaat ekonomi dan kewangan yang amat besar, penyertaan ini bukannya tanpa risiko. Jika integrasi kewangan antara pasaran tidak dirancang dan diurus dengan baik, ini boleh mengakibatkan implikasi kewangan yang buruk. Lantaran itu, laluan ke arah integrasi serantau ini juga mengandungi cabaran yang perlu dihadapi. Dalam melaksanakan pengaturan institusi merentas rantau, setiap negara pastinya akan mengimbangkan keutamaan negara di samping berusaha mengukuhkan kedudukan mereka di pasaran global.

Oleh itu, Asia mengambil pendekatan yang berbeza untuk mencapai integrasi serantau. Usaha ini bertitik tolak dari aspek memperkukuh hubungan ekonomi dan perniagaan, dan langkah meningkatkan daya tahan dan kestabilan sektor kewangan. Untuk mencapai tujuan ini, penyediaan mekanisme pengawasan serantau terus diperkukuh melalui kemudahan sokongan kewangan dan rangka kerja penyelesaian krisis yang bersepadu. Pelbagai forum dalam kalangan pengawal selia dan bank pusat telah diwujudkan yang merangkumi sebahagian besar rantau Asia, untuk bersama-sama mengukuhkan pengurusan krisis. Forum-forum tersebut juga berperanan sebagai jaring keselamatan kewangan di rantau ini bagi memastikan institusi kewangan yang beroperasi di Asia dapat berhadapan kesan limpahan krisis kewangan global yang boleh menggugat kestabilan, dengan baik. Malaysia telah pun melaksanakan pengaturan sedemikian, menerusi perjanjian swap dan pengaturan cagaran merentas sempadan yang berperanan sebagai saluran alternatif bagi bank-bank yang beroperasi di Malaysia dan di rantau ini untuk mendapatkan mudah tunai agar dapat berfungsi dengan berkesan termasuk semasa tempoh yang mencabar. Pengaturan dua hala yang dimeterai membolehkan negara-negara berkenaan menerima mata wang dan sekuriti negara lain sebagai cagaran.

Memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan dengan India

Potensi kerjasama antara India dengan Malaysia amat besar. Pertalian sejarah dan budaya telah lama terjalin dan membentuk asas kukuh untuk merapatkan lagi hubungan kedua-dua buah negara pada masa hadapan. Pada masa ini, eksport Malaysia ke India hampir mencecah USD9 bilion pada tahun 2011, bersamaan dengan 4.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia, sementara pelaburan langsung terkumpul dari India kini hampir USD0.5 bilion. Sektor kewangan berpotensi untuk memainkan peranan penting sebagai pemangkin pertumbuhan bagi aktiviti perdagangan dan pelaburan antara India dengan Malaysia. Hubungan ini telah mula terjalin menerusi pemberian lesen bank perdagangan sepenuhnya kepada sebuah bank India untuk beroperasi di Malaysia pada tahun 2010. Selain itu, lesen turut diberikan kepada sebuah syarikat pengurus dana dari India.

Kebangkitan Kewangan Islam dalam Ekonomi Global Baharu

Satu lagi perkembangan di negara-negara sedang pesat membangun di Asia dan Timur Tengah ialah pertumbuhan kewangan Islam. Kemajuan penting yang dicapai dalam dekad ini ialah pengantarabangsaan kewangan Islam dan peranannya yang kian penting dalam menggerakkan dan menyalurkan dana kepada aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan. Dengan kadar pertumbuhan dua angka yang berterusan, jumlah aset kewangan Islam kini dianggarkan melebihi USD1 trilion. Lebih 600 institusi kewangan Islam kini beroperasi di lebih 75 negara, lantas negara-negara dari Asia, Timur Tengah dan Afrika kini semakin giat menyertai pasaran kewangan merentas sempadan. Kewangan Islam telah mempengaruhi corak perdagangan dan aliran kewangan global yang baharu dalam aktiviti pembiayaan perdagangan dan pelaburan.

Kewangan Islam merupakan saluran penting bagi peruntukan dana merentas sempadan yang lebih cekap dan usaha pempelbagaian risiko. Kewangan Islam telah membantu mempererat hubungan kewangan dan ekonomi antara Asia dengan Timur Tengah. Pasaran sukuk khususnya, telah menjadi saluran penting bagi aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan antarabangsa yang

menjana aliran merentas sempadan yang besar. Pasaran sukuk mencatat pertumbuhan ketara sejak beberapa tahun ini, dengan jumlah terkumpul meningkat daripada USD33 bilion pada tahun 2006 kepada USD180 bilion pada akhir tahun 2011. Kini, Malaysia sedang berkembang untuk menjadi pasaran bon dan sukuk pelbagai mata wang yang utama.

Inisiatif yang diambil untuk memperkukuh infrastruktur institusi dan antarabangsa kewangan Islam menjadi tunggak dalam kemajuan ini. Paling penting ialah penekanan yang diberikan kepada langkah membangunkan infrastruktur kewangan antarabangsa yang berkaitan dengan kestabilan kewangan. Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) telah diwujudkan pada tahun 1990, dan pada tahun 2002, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pula ditubuhkan untuk menjadi badan penetapan piawaian kehematan antarabangsa bagi industri kewangan Islam dalam bidang pengurusan risiko, kecukupan modal, tadbir urus, pengendalian perniagaan dan proses pengawasan. Bermula dengan hanya sepuluh ahli semasa penubuhannya, IFSB kini dianggotai 189 ahli, dengan sebahagian besar daripadanya terdiri daripada pihak berkuasa pengawalseliaan.

Inisiatif yang lebih terkini ialah penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam (Islamic Financial Stability Forum, IFSF) yang menjadi platform bagi interaksi yang lebih giat antara pihak berkuasa pengawalseliaan dalam sistem kewangan Islam dan untuk menggalakkan kerjasama merentas sempadan yang lebih berkesan.

Usaha kini ditumpukan pada pewujudan pengaturan untuk meningkatkan pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam. Berikutan itu, Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) ditubuhkan pada tahun 2010 melalui usaha sama 12 bank pusat dan dua organisasi multilateral untuk memudahkan penyelesaian pengurusan mudah tunai dengan berkesan menerusi terbitan instrumen kewangan berlandaskan Syariah jangka pendek secara berkala.

Sebagai penutup ucapan ini, saya ingin nyatakan bahawa dekad ini merupakan masa penentuan bagi Asia, berlatarkan pengembangan global yang pantas dan pengantarabangsaan yang lebih giat. Antara trend penting yang dilihat ialah langkah penting yang diambil oleh kebanyakan negara sedang pesat membangun di Asia untuk memperluas liberalisasi serta mengambil inisiatif untuk mengukuhkan hubungan merentas sempadan. Melangkah ke hadapan, usaha untuk menjalin kerjasama erat perlu diteruskan memandangkan bentuk ekonomi dan pasaran hari ini yang amat dinamik. Dekad baharu ini membawa bersamanya prospek bagi peluang baharu, dan keupayaan kita merebut peluang ini dan merealisasikan potensinya semakin ditentukan oleh keupayaan dan kapasiti kita untuk menjalin hubungan serantau dan global yang kukuh dan berpanjangan.

Persidangan Antarabangsa tentang "Integrasi Pasaran dan Inovasi Kewangan di Asia" Tokyo, Jepun, 10 Februari 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Ekonomi dunia dan sistem kewangan antarabangsa sedang memasuki fasa globalisasi yang baharu. Krisis kewangan global yang berlaku baru-baru ini bukan sahaja tidak memperlahankan proses globalisasi, malahan kepesatan proses ini semakin bertambah hebat dan menyebabkan dunia menjadi lebih saling berhubung kait dan saling bergantung. Jika globalisasi sebelum ini dimanifestasikan dalam bentuk perdagangan dan pelaburan antara dunia sedang pesat membangun dengan dunia maju, ekonomi sedang pesat membangun kini semakin lebih terhubung antara satu sama lain di dalam dan merentas rantau. Trend ini dikukuhkan oleh perubahan yang serupa yang berlaku kepada trend aliran kewangan. Jika aliran kewangan sebelum ini sebahagian besarnya disalurkan antara dunia maju dengan dunia sedang pesat membangun, integrasi kewangan yang lebih tinggi antara ekonomi sedang pesat membangun dapat merancakkan peningkatan kesalinghubungan ini.

Walaupun tidak dapat hadir di Tokyo, namun saya berbesar hati kerana dapat berucap pada persidangan antarabangsa tentang Integrasi Kewangan Asia ini. Saya akan menyentuh tentang dorongan utama dalam mewujudkan integrasi kewangan di Asia walaupun ketiadaannya sebelum ini tidak menghalang integrasi ekonomi di rantau ini. Meskipun Asia boleh mempelajari pengalaman integrasi yang dilalui Eropah, saya akan membincangkan pendekatan yang berbeza yang sedang dilaksanakan di Asia. Pengantarabangsaan kewangan Islam yang semakin meningkat turut menyumbang kepada pertalian ekonomi dan kewangan yang kukuh antara ekonomi sedang pesat membangun, termasuklah di Asia dan di Timur Tengah. Akhir sekali, saya akan membincangkan reformasi dalam pengawalseliaan global semasa dan implikasi yang mungkin berlaku kepada integrasi kewangan serantau di Asia.

Aspirasi untuk mencapai integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih meluas di Asia adalah untuk meningkatkan perkongsian kemakmuran yang saling memperkukuh bagi ekonomi di rantau ini. Integrasi kewangan serantau akan menghasilkan pengantaraan dana yang lebih cekap dan berkesan untuk membolehkan sekurang-kurangnya sebahagian daripada lebihan simpanan di rantau ini disalurkan kepada pelaburan yang produktif, dan pada kos yang lebih rendah dengan pempelbagaian risiko yang bertambah baik. Peningkatan akses kepada pembiayaan juga akan menyokong perdagangan di dalam rantau manakala rantau yang lebih bersepadu akan meningkatkan usaha kerjasama yang lebih erat dalam memelihara kestabilan kewangan. Tindakan bersama juga akan meningkatkan keupayaan untuk menangani dan bertindak balas dengan lebih baik terhadap risiko kepada rantau. Dan akhir sekali, sebagai kumpulan yang bersepadu, perspektif dan kedudukan kita akan menjadi lebih kukuh dalam struktur dan proses tadbir urus dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pendekatan Integrasi Kewangan di Asia

Asia merangkumi kumpulan negara yang begitu pelbagai, yang mempunyai perbezaan dari segi struktur ekonomi, sumber asli, kadar orientasi pasaran, peringkat pembangunan, saiz dan tahap keterbukaan. Walau bagaimanapun, ekonomi Asia saling memperakui kelebihan berbanding yang ada di setiap negara masing-masing dan telah

memanfaatkan kesalinglengkapan yang wujud ini. Dengan mengambil kira sifat kepelbagaian yang terdapat di rantau ini, usaha untuk mencapai prasyarat yang diperlukan untuk integrasi yang serupa seperti yang terdapat di Eropah merupakan cita-cita yang amat tinggi dan mencabar.

Proses integrasi di Eropah telah dipercepat dengan penubuhan institusi supranasional yang mempunyai mandat untuk menggalakkan pendekatan dan rangka kerja yang serupa di semua negara ahli dalam kesatuan itu. Proses ini berbeza di Asia yang menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel. Integrasi kewangan serantau di Asia dimanifestasikan terutama sekali dalam bentuk kehadiran dan penyertaan institusi kewangan serantau yang lebih tinggi di dalam sistem kewangan dalam negeri. Proses ini sedang dilaksanakan dengan liberalisasi sektor kewangan dan akaun modal secara berperingkat-peringkat dan berturutan. Secara khususnya, liberalisasi akaun modal mendorong peningkatan pelaburan dan aliran portfolio dalam rantau yang seterusnya menyumbang kepada peluasan pasaran kewangan.

Walau bagaimanapun, liberalisasi sektor kewangan dan akaun modal tidak mencukupi untuk mencapai integrasi kewangan serantau. Perkara yang paling penting ialah pembangunan pasaran kewangan serantau, infrastruktur kewangan yang meliputi sistem pembayaran dan penyelesaian serantau, pengharmonian piawaian dan amalan kewangan yang meliputi rejim pengawalan dan penyeliaan serta pembinaan keupayaan institusi pengantara kewangan dalam negeri. Bagi rantau ASEAN, persetujuan telah dicapai untuk membenarkan kadar integrasi yang berbeza bergantung pada tahap ketersediaan negara ahli masing-masing. Hal ini dikukuhkan oleh pengaturan pengawasan bagi penilaian risiko terhadap rantau dan rangka kerja serantau dalam pengurusan dan penyelesaian krisis, termasuk pengaturan untuk saling membantu. Perkara yang sama penting dalam proses ini ialah permuafakatan dan kerjasama antara pihak berkuasa pengawalseliaan untuk mengekalkan kestabilan kewangan serantau. Sebahagian besar daripada usaha ini tertumpu pada usaha untuk mewujudkan pengaturan keinstitusian yang kukuh dan berkesan bagi memelihara kestabilan kewangan serantau.

Dalam dekad yang menyusuli Krisis Kewangan Asia, kebanyakan negara di Asia telah mempercepat tahap pembangunan dan reformasi sektor kewangan mereka. Beberapa ekonomi di Asia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam meningkatkan keteguhan dan kecekapan institusi kewangan serta membangunkan pasaran kewangan dalam negeri. Pada peringkat serantau, inisiatif utama meliputi pembangunan pasaran bon serantau menerusi penubuhan pelbagai Dana Bon Asia dan Inisiatif Pasaran Bon ASEAN+3, pengaturan serantau untuk pengurusan krisis yang meliputi sokongan mudah tunai, serta usaha permuafakatan yang dimajukan di bawah EMEAP untuk memudahkan pengurusan mudah tunai bagi institusi kewangan yang beroperasi di rantau ini menerusi Pengaturan Cagaran Merentas Sempadan. Walaupun kini pelaburan portfolio merentas sempadan dalam rantau di Asia secara relatifnya kecil, namun pelaburan portfolio ini telah meningkat kepada 28 peratus daripada jumlah pemegangan aset pada tahun 2011 berbanding dengan 21 peratus pada tahun 2001.

Satu lagi perkembangan penting yang telah menyumbang kepada integrasi kewangan serantau yang lebih meluas ialah peranan kewangan Islam yang semakin penting dalam sistem kewangan antarabangsa. Pada peringkat awal pembangunannya, orientasi kewangan Islam sebahagian besarnya tertumpu di dalam negeri. Pengantarabangsaan kewangan Islam semakin pesat pada dekad mutakhir ini, lantas menghasilkan pertumbuhan yang ketara dalam aliran dana merentas sempadan. Pembangunan pasaran kewangan Islam, khususnya pasaran sukuk, liberalisasi sektor kewangan yang progresif, serta pelaksanaan pengaturan dan institusi antarabangsa untuk memelihara kestabilan kewangan, secara kumulatif telah menyumbang kepada peningkatan dalam dimensi antarabangsa industri kewangan. Kini terdapat lebih

daripada 600 buah institusi kewangan Islam yang beroperasi di lebih daripada 75 buah negara.

Memandangkan urus niaga kewangan Islam memerlukan aset sebagai sandaran dalam urus niaganya, ia merupakan satu bentuk pengantaraan kewangan yang lebih kukuh untuk menyokong ekonomi benar. Dengan pengantarabangsaannya, kewangan Islam telah menjadi saluran yang semakin penting dalam pengagihan sumber kewangan merentas sempadan yang cekap serta untuk pempelbagaian risiko. Dimensi antarabangsa yang baharu dalam kewangan Islam ini telah memudahkan hubungan kewangan yang lebih kukuh antara Asia dengan Timur Tengah. Pasaran sukuk, khususnya, telah menjadi saluran penting bagi aktiviti menambah dana dan pelaburan, yang menjana aliran merentas sempadan yang ketara.

Walaupun usaha untuk mewujudkan prasyarat ini akan diteruskan, peranan sektor swasta juga penting dalam memacu agenda integrasi kewangan serantau di Asia, khususnya dalam membina keupayaan keinstitusian untuk menjadi pengantara dana yang berkesan di rantau ini. Walaupun penyertaan asing di seluruh rantau kita memudahkan proses ini, ia perlu dilengkapi dengan pengantara serantau dalam negeri yang kukuh yang mempunyai operasi yang lebih inklusif, dan seterusnya meningkatkan potensi untuk pertumbuhan yang seimbang di rantau kita.

Asia telah membuktikan daya tahannya terhadap banyak kejutan daripada pasaran kewangan antarabangsa dan ekonomi global semasa berlakunya krisis kewangan global baru-baru ini. Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, kebanyakan ekonomi di Asia telah terjejas teruk akibat perkembangan ini. Permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, perdagangan dan pelaburan di dalam rantau yang lebih meluas dan diperkukuh oleh sistem kewangan yang berdaya tahan, serta asas makroekonomi yang kukuh, telah menyokong prestasi ekonomi di rantau ini. Rantau ini telah memperoleh ganjaran yang besar daripada reformasi kewangan, pembinaan keinstitusian dan pembangunan infrastruktur kewangan yang telah dilaksanakan sepanjang dekad ini. Meskipun terdapat persekitaran yang begitu mencabar ekoran perdagangan yang lebih perlahan dan pasaran kewangan yang tidak menentu, pengantaraan kewangan di Asia terus berfungsi tanpa gangguan, dan pasaran kewangan, walaupun mengalami pergolakan, telah terus terkawal. Dengan asas yang kukuh inilah integrasi kewangan serantau di Asia terus berkembang. Sebaliknya, meskipun berdepan dengan perkembangan global ini, proses integrasi terus berlaku dan kerjasama serta permuafakatan kewangan serantau telah menjadi lebih padu, yang diperkukuh menerusi peningkatan penglibatan dan penyertaan sektor swasta pada peringkat serantau.

Reformasi pengawalseliaan global

Izinkan saya menyentuh pula tentang reformasi pengawalseliaan global dan implikasinya kepada Asia. Tindak balas pengawalseliaan global terhadap krisis kewangan kini memasuki fasa pelaksanaan. Perkara teras dalam reformasi ini adalah untuk membentuk rangka kerja pengawalseliaan global yang lebih kukuh bagi meningkatkan dengan ketara tahap daya tahan sistem perbankan. Walaupun sebahagian besar daripada usaha tersebut telah disiapkan, tugas yang rumit dalam melaksanakan piawaian modal dan mudah tunai global kini baru bermula. Sesungguhnya, usaha ini sedang dilaksanakan dalam persekitaran kewangan dan ekonomi global yang sukar. Walau bagaimanapun, beberapa negara telah mengumumkan garis masa mereka, dengan beberapa negara lain yang sedang bergerak dengan lebih pantas dan melangkaui piawaian Basel III.

Kedudukan Asia secara relatifnya lebih kukuh untuk beralih kepada piawaian baharu ini. Walau bagaimanapun, kita tetap berwaspada terhadap kesan pelaksanaannya kepada ekonomi dan kewangan global di negara lain di dunia. Sebagai ekonomi yang terbuka, kita tidak terlindung daripada kesan peralihan ini. Walaupun kajian Jawatankuasa Basel menunjukkan bahawa kesan daripada perlaksanaan piawaian yang ketat ini terhadap

pertumbuhan ekonomi adalah sederhana, keadaan kewangan global yang sangat dinamik menunjukkan bahawa pengawal selia harus terus lebih berhati-hati, dan mempunyai maklumat yang menyeluruh, dalam melaksanakan piawaian baharu ini. Perkara penting yang perlu dikenal pasti adalah supaya pelaksanaan piawaian tersebut tidak mengakibatkan kos kepada ekonomi benar melebihi manfaat yang diinginkan, iaitu daya tahan sistemik yang lebih kukuh.

Agenda reformasi juga tertumpu pada perubahan asas dan yang tidak kurang pentingnya, perubahan pada pengaturan keinstitusian dan struktur pasaran. Beberapa perubahan ini, seperti reformasi yang melibatkan pasaran derivatif OTC dan rangka kerja dasar untuk institusi kewangan yang penting dari segi sistemik, kini sedang dimajukan menerusi platform global, khususnya menerusi Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB). Reformasi lain, seperti perubahan struktur model perbankan yang sedang dipertimbangkan di UK serta pelaksanaan reformasi yang meluas di bawah Akta Dodd-Frank di Amerika Syarikat, walaupun tidak dilaksanakan di luar negara tersebut, akan tetap menggariskan hala tuju masa depan yang berkemungkinan memberikan kesan yang lebih meluas, memandangkan operasi merentas sempadan yang ketara bagi institusi yang terlibat, termasuklah di Asia.

Seperti kebanyakan negara lain, pilihan untuk penjelasan berpusat bagi derivatif OTC dalam negeri juga sedang diteliti. Reformasi ini kini sedang dilaksanakan dalam pasaran kewangan dunia yang lebih besar untuk memenuhi mandat G20 supaya urus niaga derivatif OTC berpiawaian dijelaskan secara berpusat menjelang akhir tahun 2012. Bagi pasaran derivatif OTC yang lebih kecil di Asia, kesan terhadap kecekapan dan kestabilan pasaran dalam negeri merupakan pertimbangan utama dalam mengatur langkah ke arah pengaturan penjelasan berpusat. Kebimbangan utama adalah terhadap potensi penjelasan berpusat bagi urus niaga luar pesisir dalam pasaran utama di dalam negeri, akan meningkatkan risiko kestabilan terhadap sistem kewangan dalam negeri. Pihak berkuasa pengawalseliaan dalam negeri juga mempunyai skop yang terhad untuk mengawasi rakan niaga pusat (ofshore central counterparties, CCP) luar pesisir tersebut dan untuk bertindak balas apabila menghadapi tekanan kewangan. Walau bagaimanapun, pengaturan untuk penjelasan berpusat dalam negeri mungkin memberikan kesan yang negatif terhadap kecekapan dan operasi pasaran, khususnya bagi urus niaga yang merentas sempadan. Di samping itu, pengaturan penjelasan yang tidak berpusat akan mengurangkan peluang *netting* dan kecekapan cagaran, dan seterusnya meningkatkan kos kepada para peserta. Keperluan untuk menangani kekurangan maklumat yang penting tentang peraturan yang akan mengawal selia CCP global, termasuklah kriteria untuk saling mengiktiraf CCP dan syarat keahlian, serta maklumat terperinci tentang pengaturan tersebut untuk mengurangkan pertumpuan risiko kepada CCP atau kepada ahlinya. Kini, kekurangan maklumat ini mengehadkan penilaian yang lebih lengkap terhadap pilihan penjelasan berpusat di dalam negeri dan serantau.

Sebahagian besar reformasi global akan menyumbang kepada usaha menggalakkan pendekatan yang lebih konsisten terhadap pengawalseliaan, yang merupakan prasyarat penting untuk integrasi kewangan di Asia. Di beberapa negara, reformasi global telah memainkan peranan dalam mempercepat lagi prioriti dalam negeri untuk mengukuhkan daya tahan kewangan mereka. Inisiatif yang sedang diambil pada peringkat global juga bertujuan untuk mengukuhkan pengaturan kestabilan kewangan serantau. Usaha ini meliputi penyediaan rangka kerja yang lebih kukuh bagi pengawalseliaan institusi kewangan yang penting dari segi sistemik pada peringkat serantau. Di Asia, perkembangan rangka kerja yang sedemikian jelas kelihatan dengan beroperasinya forum penyeliaan merentas sempadan untuk institusi kewangan yang mempunyai penyertaan serantau yang nyata. Reformasi ini telah terus menggalakkan penyelarasan dan perhubungan yang lebih rapat bagi perkembangan kestabilan kewangan antara negara di rantau ini. Perkara

ini telah dihasilkan daripada perspektif dan cabaran serupa yang dikongsi bersama antara negara di rantau ini tentang hala tuju dan impak reformasi ini, serta keperluan untuk mengetengahkan pandangan bersama daripada rantau ini. Kesan ini akan mengukuhkan asas integrasi kewangan serantau di Asia.

Walau bagaimanapun, anjakan dasar dan peningkatan preskripsi pengawalseliaan "satu penyelesaian untuk semua" yang mengikat, tidak menepati kehendak prinsip pengawalan teguh yang setimpal dengan risiko, yang juga merupakan prinsip yang sudah mantap bagi pengawalseliaan yang baik. Oleh itu, wujud risiko yang besar dalam mengikuti "trend" baharu ini tanpa membuat pertimbangan yang sewajarnya yang berkemungkinan menyebabkan kita sekali lagi tersalah panduan. Secara khususnya, usaha yang telah dilaksanakan dengan nyata di rantau ini sepanjang dekad yang lalu untuk memperkukuh kecekapan dan inovasi sektor kewangan, yang seterusnya akan menggalakkan integrasi kewangan, mungkin terjejas.

Di samping itu, hanya baru-baru ini perhatian global juga beralih kepada peningkatan intensiti dan keberkesanan penyeliaan sebagai komponen yang penting dalam usaha reformasi kewangan. Ini merupakan langkah yang dialu-alukan dan akan menjadi dimensi yang amat penting bagi pertimbangan terhadap reformasi yang akan diambil pada masa hadapan oleh pihak-pihak berkuasa negara. Di Asia, reformasi kewangan telah disertai oleh pendekatan penyeliaan dan pengaturan jaring keselamatan yang jauh lebih kukuh, yang berperanan untuk mengawasi inovasi yang tidak dikawal dan amalan pengambilan risiko yang keterlaluan, serta memberikan insentif yang kukuh untuk pengurusan risiko yang berhemat. Faktor-faktor inilah yang menjadikan sistem perbankan kita berdaya tahan dalam mengharungi krisis kewangan global dan terus kekal kukuh sejak itu, walaupun terdapat risiko yang berterusan dalam ekonomi global. Sambil kita memikirkan tentang pelbagai reformasi yang akan terus mengisi agenda global pada beberapa tahun yang akan datang, perkara yang harus kita pertimbangkan ialah usaha untuk terus mencari penyelesaian dalam negeri dan serantau yang akan menghasilkan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan tanpa menjejaskan penyediaan perkhidmatan kewangan yang cekap, berterusan serta penting untuk ekonomi kita.

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya. Meskipun masih terdapat banyak cabaran, Asia kini berada pada ambang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi secara kolektif yang nyata. Walau bagaimanapun, Asia harus mengambil iktibar penting daripada krisis kewangan global ini dan menyedari implikasi daripada kesalingbergantungan yang lebih tinggi. Selain itu, krisis hutang kerajaan di Eropah bukan hanya berkait dengan urusan fiskal, malah dengan pengurusan hutang yang mempunyai implikasi yang besar kepada pasaran kewangan. Walaupun isu fiskal mungkin kekal sebagai masalah kerajaan, pembiayaan serta akibatnya yang lebih meluas perlu ditangani. Memandangkan persekitaran yang positif di Asia, peluang ini perlu diambil untuk menyediakan pengaturan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dengan cara yang terbaik. Dunia kini semakin menghalakan pandangannya ke arah Asia. Dengan terdapatnya faktor-faktor yang diperlukan ini, ekonomi Asia akan mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk berusaha secara bersama ke arah mencapai wawasan bersama bagi integrasi kewangan dan ekonomi yang bukan sahaja berpotensi untuk membuka peluang di rantau ini, malahan juga untuk meningkatkan prospek menyumbang kepada ekonomi global yang lebih seimbang dan mampan.

Perbincangan Suku Tahunan 2012 Panel Kewangan Dewan Perniagaan dan Industri EU-Malaysia (EUMCCI) "Kewangan Islam: Wadah Baharu untuk Pembiayaan Ekonomi" Sasana Kijang, Kuala Lumpur, 8 Mac 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dalam fasa globalisasi baharu ini, yang bercirikan sistem ekonomi dan kewangan yang semakin saling berhubung kait, kemunculan beberapa trend baharu dapat dilihat dalam aliran perdagangan dan pelaburan. Meskipun perkembangan perdagangan dan aliran pelaburan dunia semakin perlahan selepas krisis kewangan global, aktiviti perdagangan dan pelaburan merentas sempadan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun telah meningkat dengan nyata. Malah rantau Asia memainkan peranan penting dalam perubahan yang sedang berlaku dalam corak perdagangan dan aktiviti pelaburan dunia ini. Di Asia, permintaan dalam negeri yang kukuh, disokong oleh sistem kewangan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang teguh, telah memudahkan pengantaraan aliran modal antarabangsa.

Cabaran paling getir yang dihadapi oleh ekonomi global pada masa ini adalah untuk menjana pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Amat penting bagi ekonomi yang terjejas akibat krisis untuk kembali mencatat dan terus mengekalkan pertumbuhan, sambil menangani ketidakseimbangan fiskal, paras hutang sektor awam dan swasta yang berlebihan serta sektor kewangan yang terjejas, yang penyelesaiannya berkemungkinan besar mengakibatkan pertumbuhan yang lebih perlahan. Sementara dasar dalam negeri yang menyokong adalah perlu untuk menggalakkan pertumbuhan, faktor yang sama pentingnya ialah potensi pertumbuhan yang boleh dijana daripada perdagangan dan pelaburan dengan negara lain di dunia.

Bagi negara di rantau ASEAN, hubungan dengan rantau EU telah berkembang dengan stabil, dan akan terus berkembang dan menjadi lebih kukuh. Wujud potensi yang besar bagi hubungan perdagangan dan pelaburan sebegini antara rantau EU dengan rantau ASEAN untuk menjadi lebih erat. Syarikat-syarikat global, termasuk syarikat multinasional (MNC) di EU dan ASEAN, telah menyumbang dalam memaksimumkan manfaat bersama daripada hubungan tersebut. Pada masa ini, terdapat lebih 1000 syarikat multinasional dari lebih 30 buah negara yang beroperasi di Malaysia. Kebanyakannya adalah dari rantau EU. Inisiatif yang dilaksanakan untuk terus mengurangkan halangan-halangan yang wujud antara rantau EU dengan ASEAN juga akan memperkukuh pengembangan hubungan strategik ini.

Saya amat berbesar hati kerana dapat hadir pada majlis Perbincangan Suku Tahunan Panel Kewangan ini yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri EU-Malaysia, untuk berucap mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh kewangan Islam bagi memudahkan lebih banyak perdagangan dan pelaburan antara rantau kita ini. Kewangan Islam, yang sebelum ini hanya tertumpu di dalam negeri, kini menyediakan lebih banyak penyelesaian kewangan untuk perdagangan dan pelaburan merentas sempadan. Liberalisasi secara berperingkat-peringkat telah membantu pengantarabangsaan kewangan Islam. Malahan, pengantarabangsaan ini telah semakin kukuh hasil daripada inovasi yang dinamik dalam kewangan Islam, lantas meluaskan rangkaian produk dan perkhidmatan

kewangan. Hasilnya, kewangan Islam telah menjadi saluran yang semakin penting bagi pengagihan dana merentas sempadan dan pempelbagaian risiko yang efisien.

Kewangan Islam: Penyelesaian Kewangan untuk Sektor Perniagaan Antarabangsa

Meskipun persekitaran telah menjadi semakin mencabar, kewangan Islam terus mengembangkan potensinya sebagai bentuk pengantaraan kewangan yang mampan dan stabil. Penekanannya terhadap kaitan rapat antara urus niaga kewangan dengan aktiviti ekonomi telah menempatkan kewangan Islam pada kedudukan yang kukuh untuk memainkan peranan dalam ekonomi benar. Penerapan perkongsian keuntungan dan risiko, ketelusan dan penzahiran, serta nilai-nilai etika kesaksamaan yang universal yang terkandung dalam sistem kewangan Islam telah menyediakan sekatan dan imbangan dalaman. Dengan mengambil kira kesemua ciri tersebut, kewangan Islam telah meningkatkan prospek bagi pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan yang mampan.

Daya tahan sistem kewangan Islam juga diperkukuh oleh piawaian kehematan antarabangsa dan amalan terbaik yang diperkenalkan. Ini termasuk piawaian yang dirumuskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) sejak tahun 2002 dalam bidang kecukupan modal, pengurusan risiko, tadbir urus serta pengendalian perniagaan dan proses penyeliaan. Industri ini juga dipandu oleh standard perakaunan antarabangsa yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) sejak penubuhannya pada tahun 1990. Bagi mengukuhkan pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam, Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM), yang ditubuhkan pada tahun 2010, sedang melaksanakan mekanisme yang akan memudahkan penyelesaian pengurusan mudah tunai yang berkesan melalui terbitan berkala instrumen kewangan jangka pendek berlandaskan Syariah.

Sambil sistem kewangan Islam melalui proses peralihan untuk menjadi lebih pelbagai dan menyeluruh, sistem ini juga menyediakan spektrum penyelesaian kewangan yang berupaya memenuhi keperluan ekonomi yang berbeza-beza. Produk pembiayaan yang ditawarkan dalam kewangan Islam juga termasuk pembiayaan bersindiket, pembiayaan ekuiti dan modal usaha niaga. Terdapat juga pelbagai instrumen pelaburan dan perbendaharaan, selain produk pengurusan dana dan kekayaan bagi pengurusan portfolio perniagaan. Dalam sektor takaful, terdapat juga rangkaian produk yang pelbagai, termasuk perlindungan takaful untuk harta tanah dan aset perniagaan, serta perlindungan untuk pekerja.

Peningkatan kepentingan dimensi antarabangsa kewangan Islam dalam dekad ini menyaksikan peranannya yang lebih besar dalam merapatkan jurang antara negara melalui penggemblengan dan penyaluran dana dalam aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan. Meskipun persekitaran global semakin mencabar dan keadaan juga semakin tidak menentu, industri kewangan Islam terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 21 peratus, manakala jumlah aset berlandaskan Syariah pula melebihi paras USD1 trilion. Kini terdapat lebih 600 institusi kewangan Islam yang beroperasi di lebih 75 buah negara, baik di negara Islam mahupun bukan Islam. Kemunculan pusat-pusat kewangan baharu di Asia dan Timur Tengah serta kesalinghubungan yang lebih erat telah mengukuhkan asas hubungan perdagangan dan pelaburan di dalam dan antara rantau.

Sejak kebelakangan ini, kewangan Islam turut diperkenalkan di rantau EU. Dengan adanya sistem kewangan Islam di pusat kewangan utama, seperti London dan Luxembourg, peluang adalah tersedia bagi sektor perniagaan di EU untuk memperoleh dana melalui instrumen kewangan Islam seperti sukuk, selain mempelbagaikan portfolio pelaburan melalui produk pengurusan dana dan kekayaan Islam. Kewangan Islam juga mula bertapak di beberapa negara Eropah lain. Sehubungan

dengan perkembangan ini, Malaysia telah memeterai beberapa pengaturan kerjasama dalam bidang pembangunan tenaga mahir dan kepakaran, hubungan perniagaan, dan pembangunan infrastruktur. Setakat ini, Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kewangan Islam dengan UK, Perancis dan Luxembourg.

Pasaran kewangan Islam sedia ada yang kukuh, termasuk sukuk dan pasaran wang Islam, secara khususnya telah memainkan peranan penting untuk mengantara dana dalam sistem kewangan Islam. Pasaran ini merupakan platform yang semakin penting untuk aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan antarabangsa lantas mendorong lebih banyak aliran dana merentas sempadan. Daripada jumlah terkumpul sebanyak USD33 bilion pada tahun 2006, nilai pasaran sukuk telah meningkat kepada USD180 bilion pada akhir tahun 2011.

Pasaran sukuk memberikan banyak tawaran nilai yang menarik kepada penerbit dan pelabur. Kelebihan utama struktur sukuk ialah struktur ini berdasarkan aset sandaran yang mempunyai aliran pendapatan. Oleh itu, sukuk tidak menggalakkan dedahan berlebihan kepada kemudahan pembiayaan yang melebihi nilai aset sandaran, memandangkan penerbit tidak boleh mendapat pembiayaan melebihi nilai aset. Selain itu, dengan adanya keperluan yang menghendaki pembiayaan disalurkan untuk tujuan produktif, dedahan risiko dalam sukuk adalah ke atas projek itu sendiri dan bukannya ke atas ketidakpastian atau aktiviti yang tidak mempunyai manfaat ekonomi. Elemen ini bukan sahaja menyumbang kepada kestabilan kewangan, bahkan menawarkan para pelabur dengan satu lagi kelas aset untuk pelaburan.

Permintaan terhadap sukuk pada masa ini melebihi penawaran berikutan paras tabungan lebihan yang tinggi di Asia dan rantau Teluk mendorong permintaan yang tinggi. Walaupun saiz pasaran mungkin kelihatan sederhana jika dibandingkan dengan standard dunia, pasaran sukuk telah mencatat pertumbuhan tahunan purata 40 peratus. Pertumbuhan pasaran bon Islam, khususnya dalam persekitaran semasa, juga mencerminkan keberkesanan kosnya. Malah, semakin banyak agensi pelbagai hala, agensi Kerajaan dan sektor korporat, termasuk syarikat multinasional, yang memanfaatkan pasaran sukuk untuk memperoleh dana. Di Malaysia, Shell MDS Sdn. Bhd. telah menerbitkan sukuk korporat dalam denominasi ringgit yang pertama di dunia pada tahun 1990, berjumlah RM125 juta. Terbitan program sukuk sebanyak RM3.5 bilion oleh TESCO Stores pada tahun 2007 merupakan terbitan sukuk buat julung kalinya oleh syarikat multinasional milik warga British, manakala Toyota Capital Services, sebuah syarikat multinasional Jepun, menerbitkan satu program sukuk berjumlah RM1 bilion pada tahun 2008. Trend terbitan sukuk pelbagai mata wang di Asia juga semakin meningkat. Terbitan terbaharu yang utama dalam pasaran Malaysia ialah sukuk renminbi yang pertama di dunia pada tahun 2011. Terbitan sukuk dalam pelbagai mata wang telah menarik minat para pelabur antarabangsa untuk menyertai pasaran ini.

Sebagai satu kelas aset, sukuk kini diterbitkan dalam pelbagai struktur, saiz dan tempoh kematangan. Contoh terbaru ialah terbitan program sukuk PLUS Berhad di Malaysia pada saiz terbesar pernah dicatatkan, sebanyak RM30.6 bilion atau bersamaan dengan USD9.7 bilion, dengan tempoh matang antara 5 hingga 27 tahun. Terbitan ini turut mencerahkan potensi untuk mempelbagaikan portfolio. Pasaran modal Islam juga telah menjadi saluran bagi sektor perniagaan untuk memperoleh pembiayaan ekuiti pada peringkat global. Syarikat berlandaskan Syariah yang tersenarai dalam indeks pasaran saham Islam global utama, seperti Indeks Pasaran Islam Dow Jones dan Indeks Islam Global FTSE, berpeluang menambah baik profil mereka dalam kalangan bakal pelabur, termasuk mereka yang cenderung terhadap pelaburan yang berteraskan tanggungjawab sosial. Di Malaysia, peluang penyenaraian yang sama boleh didapati melalui indeks Syariah Hijrah FTSE dan indeks Syariah EMAS Bursa Malaysia FTSE untuk pelaburan berlandaskan Syariah, yang direka bentuk untuk menyediakan tanda aras umum kepada pelabur yang ingin melabur dalam saham berlandaskan Syariah.

Di Malaysia, terdapat sistem dwikewangan yang terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan Islam. Sektor perniagaan boleh memilih

tawaran kewangan yang terbaik bagi memenuhi keperluan mereka. Ketika Malaysia meliberalisasikan sistem kewangannya secara berperingkat-peringkat, liberalisasi sistem kewangan Islam dilaksanakan dengan lebih pantas. Liberalisasi ini didorong oleh keperluan untuk menjalin hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang lebih erat. Liberalisasi sektor konvensional adalah lebih beransur-ansur dan berturutan untuk memastikan sistem kewangan menggalakkan pertumbuhan yang seimbang dan pada masa yang sama kekal stabil dan mampan. Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang mantap bersama-sama dengan bekalan kepakaran dan tenaga mahir yang besar dan pelbagai dalam kewangan Islam, mewujudkan komponen yang kukuh dalam sistem ini untuk memenuhi keperluan perniagaan.

Terdapat juga kepastian Syariah dalam kewangan Islam dengan adanya rangka kerja tadbir urus Syariah yang mantap, yang terdiri daripada jawatankuasa Syariah pada peringkat industri, dan Majlis Penasihat Syariah pada peringkat pengawalseliaan. Rangka kerja dan proses di Malaysia yang memberikan sokongan kepada originasi sukuk dan penyenaraian sukuk juga memudahkan proses terbitan sukuk dalam denominasi ringgit atau dalam denominasi bukan ringgit di pasaran Malaysia. Usaha memperdalam pasaran sukuk menawarkan peluang yang besar bagi penyertaan dalam pasaran ini, dengan saiz sukuk berdaulat dan sukuk korporat Malaysia terkumpul meningkat tiga kali ganda daripada jumlah sebanyak RM120 bilion pada tahun 2005 kepada RM353 bilion pada akhir tahun 2011. Pasaran ini juga menarik minat penyertaan asing bagi aktiviti pembiayaan dan pelaburan mereka. Yang penting dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia ialah pengantarabangsaannya secara berperingkat-peringkat dan penawaran lebih banyak penyelesaian kewangan berlandaskan Syariah yang inovatif bagi memenuhi keperluan perniagaan antarabangsa yang semakin kompleks dan pelbagai.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin nyatakan bahawa dalam memenuhi keperluan ekonomi benar, kewangan Islam menawarkan penyelesaian yang menyeluruh dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan pembiayaan dan pelaburan perniagaan. Melalui jangkauan dan dimensi antarabangsanya, serta keupayaannya untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang menyeluruh, kewangan Islam kini berada pada kedudukan yang baik untuk menawarkan peluang baharu bagi menyokong kestabilan ekonomi dan kewangan secara keseluruhan. Sesi dialog hari ini akan memberi kefahaman dan penghayatan yang lebih mendalam mengenai kewangan Islam dan potensinya sebagai pengantara kewangan bagi perniagaan antarabangsa.

KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2012

6 Januari 2012

Bank Negara Malaysia memaklumkan kepada orang ramai tentang kemajuan pelaksanaan langkah-langkah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja). Sejak bulan Mac 2011, beberapa langkah penambahbaikan telah diambil untuk menjadikan proses penyelesaian tuntutan lebih cekap. Di samping itu, berkuat kuasa pada 16 Januari 2012, penyelarasan terhadap kadar premium Tarif Motor akan dilaksanakan secara berperingkat bagi mencerminkan perbelanjaan perubatan, kos membaiki kenderaan, kadar kemalangan dan tuntutan yang telah meningkat dengan ketara. Ini merupakan pelarasan kali pertama kerana kadar premium ini tidak pernah dikaji semula sejak lebih 30 tahun yang lalu. Pelarasan premium ini adalah dalam jumlah yang kecil dan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh empat tahun. Pelarasan kadar premium Tarif Motor akan dikaji semula secara berkala bagi memastikan kadar premium yang dilaraskan terus mencerminkan pengalaman tuntutan. Rangka kerja ini akan merintis jalan ke arah pelonggaran tarif sektor insurans motor pada tahun 2016, iaitu apabila kadar premium akan dibezakan lagi mengikut profil risiko kenderaan individu dan lebih berpatutan kepada pemilik kenderaan kerana kenderaan yang mempunyai pengalaman tuntutan yang baik akan menikmati kadar premium yang lebih wajar berbanding dengan pemilik kenderaan lain yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

10 Januari 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa duit syiling siri baharu akan dikeluarkan untuk edaran mulai 16 Januari. Duit syiling baharu ini akan diedarkan bersama-sama dengan siri yang sedia ada sehingga siri yang sedia ada dikeluarkan daripada edaran secara beransur-ansur. Bagi memastikan peralihan yang lancar kepada siri duit syiling yang baharu ini, vendor yang mengendalikan mesin wang tunai telah diberikan tempoh masa yang mencukupi untuk mengubah suai mesin mereka agar boleh menerima duit syiling baharu ini.

27 Januari 2012

Dalam ucaptama pada Persidangan Tahunan Ke-13 Persatuan Pendapatan Tetap, Pasaran Wang dan Derivatif India dan Persatuan Peniaga Kewangan Utama India di Kuala Lumpur, Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa Bank Negara Malaysia akan terus memperkenalkan langkah-langkah untuk memperluas penyertaan peserta serantau dalam pasaran domestik melalui liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara beransur-ansur dan pembangunan infrastruktur penyelesaian merentas sempadan. Beliau berkata bahawa langkah-langkah ini akan menggalakkan perdagangan dan penyelesaian mata wang asing yang lebih cekap dan berkesan dari segi kos. Selain itu, sektor kewangan Malaysia akan terus dibangunkan untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan di samping mempertingkat peranannya dalam menyokong transformasi ekonomi yang berterusan di Malaysia serta mengukuhkan hubungan serantau. Beliau juga berkata bahawa pasaran modal Islam telah berkembang pesat dengan kehadiran lebih banyak penerbit dan pelabur antarabangsa yang beroperasi dalam pasaran sukuk ringgit dan mata wang asing di Malaysia.

30 Januari 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan langkah-langkah liberalisasi sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempertingkat daya saing ekonomi dan membangunkan pasaran kewangan domestik. Langkah-langkah liberalisasi yang berkuat kuasa dari 31 Januari 2012 ialah; bank tempatan berlesen dibenarkan menjalankan urus niaga mata wang asing dengan mata wang asing lain dengan pemastautin; bank tempatan berlesen dibenarkan menawarkan derivatif kadar faedah dalam denominasi ringgit kepada bukan pemastautin bukan bank; dan fleksibiliti diberikan kepada

pemastautin untuk menukar obligasi hutang ringgit atau mata wang asing sedia ada mereka kepada obligasi hutang mata wang asing yang lain. Langkah-langkah ini dijangka menyumbang ke arah peningkatan tahap kecairan, keluasan dan penyertaan pelbagai peserta dalam pasaran kewangan domestik seiring dengan teras am Pelan Sektor Kewangan.

31 Januari 2012

Pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bagi tahun 2012, Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00%. MPC menyatakan bahawa dalam beberapa bulan kebelakangan ini keadaan ekonomi dan kewangan global telah merosot. Keadaan ini telah menyebabkan terdapatnya risiko pertumbuhan global akan menjadi lebih perlahan. Di Asia, momentum pertumbuhan menjadi sederhana dalam keadaan persekitaran luaran yang lebih lemah. Dalam ekonomi domestik, penunjuk terkini menyarankan pertumbuhan yang berterusan pada suku keempat 2011 dan ekonomi dijangka terus berkembang. Dalam penilaian MPC, persekitaran global akan menjadi lebih mencabar pada masa akan datang. Memandangkan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi Malaysia akan dipengaruhi oleh perkembangan luaran ini, MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap risiko kepada pertumbuhan domestik dan inflasi. Pada mesyuarat yang berikutnya pada 9 Mac, MPC memutuskan untuk mengekalkan kadar OPR memandangkan masih wujud risiko terhadap ekonomi global walaupun keadaan kewangan global telah bertambah baik.

2 Februari 2012

Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengadakan pengaturan cagaran merentas sempadan bagi memudahkan pengaturan kendalian dua hala bersaling (reciprocal bilateral operational arrangements) yang bertujuan untuk meningkatkan kemudahan mudah tunai bagi institusi kewangan di kedua-dua buah negara. Penandatanganan MoU ini menunjukkan bahawa kedua-dua buah bank pusat memperakui meningkatnya kewujudan perbankan merentas sempadan dan kepentingan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara. Kerjasama ini akan terus menyokong kedua-dua bank pusat dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan serta mengukuhkan kerjasama kedua-dua negara dalam bidang pengurusan mudah tunai domestik.

8 Februari 2012

Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China memperbaharui pengaturan swap mata wang untuk tempoh tiga tahun lagi, dan meningkatkan jumlahnya kepada RM90 bilion. Perjanjian asal telah dimeterai pada 8 Februari 2009 dengan jumlah permulaan sebanyak RM40 bilion. Perjanjian swap mata wang yang diperbaharui ini akan mengukuhkan lagi kerjasama kewangan antara kedua-dua negara serta menggalakkan lagi perdagangan dan pelaburan dua hala.

10 Februari 2012

Dalam ucaptama pada Persidangan Antarabangsa tentang "Integrasi Pasaran dan Inovasi Kewangan di Asia" di Tokyo, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa Asia kini berada pada ambang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi secara kolektif yang nyata. Beliau berkata bahawa rantau ini perlu mengambil iktibar penting daripada krisis kewangan global dan menyedari implikasi daripada kesalingbergantungan yang lebih tinggi. Beliau menambah bahawa ekonomi Asia akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk berusaha secara bersama ke arah mencapai wawasan bersama bagi integrasi kewangan dan ekonomi. Ini bukan sahaja berpotensi untuk membuka peluang di rantau ini, malahan juga meningkatkan prospek untuk menyumbang ke arah ekonomi global yang lebih seimbang dan mampan.

15 Februari 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal menggalakkan pada suku keempat 2011 meskipun persekitaran luaran adalah mencabar. Ekonomi berkembang sebanyak 5.2% pada suku keempat dengan pertumbuhan didorong oleh permintaan domestik yang disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, manakala sektor perkilangan telah berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya. Trend ini mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti domestik. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1%.

24 Februari 2012

Bank Negara Malaysia telah mengadakan sesi perbincangan dan interaksi dengan perwakilan daripada industri automotif untuk membincangkan isu berkaitan dengan industri automotif yang dibangkitkan ekoran pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab (Garis Panduan) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012. Bank Negara Malaysia menjelaskan bahawa maksud sebenar Garis Panduan ini adalah untuk menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus serta memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit kekal berdaya tahan. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga menegaskan bahawa individu dan isi rumah hendaklah membuat pinjaman mengikut kemampuan mereka dan Garis Panduan ini tidak menghalang akses kepada peminjam yang mampu membayar balik pinjaman mereka. Mesyuarat itu turut membincangkan pelbagai isu pelaksanaan yang akan diketengahkan kepada institusi kewangan, yang akan menyumbang kepada prosedur dan proses yang lebih efisien dalam pembiayaan kenderaan.

6 Mac 2012

Gabenor Dr. Zeti telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) dalam Perbankan dan Kewangan Islam 2012 sebagai mengiktiraf sumbangan beliau yang amat besar dan cemerlang dalam mempromosikan perbankan dan kewangan Islam. IDB telah mewujudkan Anugerah ini sejak tahun 1988 dengan tujuan untuk mengiktiraf, menganugerah dan memperkasakan usaha-usaha yang cemerlang dalam menggalakkan perkembangan Ekonomi, Perbankan dan Kewangan Islam. Sejak 24 tahun yang lalu, 33 (penyelidik, jurubank, ahli ekonomi, ilmuwan syariah dan institusi) telah menerima Anugerah IDB setiap tahun secara berselang-seli antara Ekonomi Islam dan Perbankan & Kewangan Islam.

8 Mac 2012

Dalam ucaptama beliau pada Panel Perbincangan Kewangan Suku Tahunan Dewan Perdagangan dan Industri EU-Malaysia 2012 yang bertemakan “Kewangan Islam: Wadah Baharu untuk Pembiayaan Ekonomi”, Gabenor berkata bahawa kewangan Islam menawarkan penyelesaian yang komprehensif dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan pembiayaan dan pelaburan untuk perniagaan. Beliau menyatakan bahawa pembangunan pasaran kewangan Islam, termasuk sukuk dan pasaran wang Islam, secara khususnya telah memainkan peranan penting untuk mengantara dana dalam sistem kewangan Islam. Sistem ini pantas menjadi platform yang penting untuk aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan antarabangsa yang telah menghasilkan peningkatan dalam aliran merentas sempadan. Beliau juga berkata melalui jangkauan dan dimensi antarabangsanya, serta keupayaannya untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang menyeluruh, kewangan Islam kini berada pada kedudukan yang baik untuk menawarkan peluang baharu untuk menyokong kestabilan ekonomi dan kewangan secara keseluruhan.

13 Mac 2012

Bank Negara Malaysia, Hong Kong Monetary Authority dan Euroclear Bank bersama-sama mengumumkan pelancaran platform perintis untuk pelaburan merentas sempadan dan penyelesaian sekuriti hutang (Platform Perintis). Platform Perintis ini yang beroperasi pada 30 Mac 2012, mempertingkat kecekapan penyelesaian sekuriti hutang merentas sempadan dan mengukuhkan keupayaan aktiviti terbitan sekuriti hutang di rantau Asia, khususnya di Malaysia dan Hong Kong. Melalui Platform Perintis ini, pelabur di kedua-dua negara boleh membeli dan memegang sekuriti hutang luar negeri serta menyelesaikan urus niaga merentas sempadan berdasarkan Penghantaran-dengan-Pembayaran, manakala penerbit bon tempatan dan antarabangsa pula boleh menerbitkan pelbagai sekuriti hutang.

14 Mac 2012

Bank Negara Malaysia memberi maklumat terkini mengenai status Skim Rumah Pertamaku (Skim) yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada bulan Mac 2011. Skim ini bertujuan untuk membolehkan golongan muda yang bekerja untuk memperoleh 100% pembiayaan daripada institusi perbankan untuk membeli rumah pertama mereka. Pada akhir bulan Januari 2012, sejumlah 1,062 permohonan sebenar diterima dengan 389 permohonan diluluskan, dan 168 permohonan masih diproses oleh institusi perbankan, dengan 505 pemohon tidak memenuhi kriteria kelayakan.

21 Mac 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bagi tahun 2011. Pada sidang akhbar itu, Gabenor Dr. Zeti mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.1% pada tahun 2011 meskipun terdapat persekitaran ekonomi antarabangsa yang mencabar. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, disokong oleh perbelanjaan isi rumah dan perniagaan, serta penggunaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, pertumbuhan secara keseluruhan mampan pada tahun 2011 disebabkan oleh kegiatan dalam sektor berorientasikan dalam negeri yang kukuh. Inflasi teras berpurata 3.2% pada tahun 2011. Berhubung prospek bagi tahun 2012, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4 - 5% manakala inflasi dijangka sederhana, berpurata antara 2.5 - 3.0%.

Mengenai sistem kewangan, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa sistem kewangan kekal stabil sepanjang tahun 2011 dan membolehkan pengantaraan kewangan untuk terus berfungsi dengan berkesan bagi menyokong aktiviti ekonomi. Sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan dan menyokong sistem kewangan dan pertumbuhan ekonomi. Mengenai pembangunan sektor kewangan, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa langkah-langkah dasar pada tahun 2011 ditumpukan ke arah memperkukuh potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia dengan memantapkan keupayaan sektor kewangan serta meningkatkan hubungan kewangan Malaysia pada peringkat serantau dan antarabangsa. Dari segi rangka kerja pengawalseliaan, Bank Negara Malaysia terus memperkukuh dan memajukan prinsip teras pengawalan dan penyeliaan untuk mengukuhkan rangka kerja perundangan dan menambah baik pengurusan risiko, tadbir urus dan amalan kendalian perniagaan.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Settlement System, RENTAS) sekarang ini akan memperluas perkhidmatan penyelesaian kasar masa nyatanya untuk merangkumi mata wang Renminbi. Selain menyediakan penyelesaian perdagangan yang lebih cekap dan berdaya saing, Perkhidmatan Penyelesaian Renminbi (Renminbi Settlement Services, RSS) melengkapi pelbagai inisiatif serantau sedia ada yang menggalakkan integrasi kewangan yang lebih meluas. RSS bukan sahaja akan memudahkan lagi perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, bahkan turut menyediakan perlindungan nilai semula jadi terhadap turun naik dan ketidakstabilan mata wang lain sambil menyisihkan risiko penyelesaian urus niaga dalam Renminbi.